



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAIM RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat
Daripada Kementerian-Kementerian**

**13 JUN 2011 HINGGA 28 JUN 2011 SOALAN
NO: 355 HINGGA SOALAN NO: 473**

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

SOALAN NO.355

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

SOALAN

Tuan Mohamed Azmin bin AN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan unjuran subsidi tahunan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan, pemulihan modal (*capital recovery*) dan nilai bersih semasa aliran tunai projek MRT dalam tempoh 20 tahun sejak ia mula beroperasi.

SOALAN NO.355

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sistem pengangkutan awam negara, subsidi kerajaan adalah diperlukan. Namun begitu, pendapatan dari pembangunan hartanah di sepanjang jajaran akan dapat menampung sebahagian dari kos pembinaan infrastruktur MRT.

Pendapatan dari segi operasi bergantung kepada kepenggunaan (*ridership*) dan struktur tambang semasa yang akan diguna pakai.

Perkara di atas masih dalam peringkat perumusan bagi memastikan sistem pengangkutan ini dapat menjana pulangan operasi yang berpatutan sebagai sistem pengangkutan awam utama Lembah Keiang.

Sekian, terima kasih.

Soalan No:

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN PEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**YB TUAN MOHAMED BIN
AZMIN BIN ALI (GOMBAK)**

TARIKH

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk meningkatkan taraf hidup Bumiputera Sabah dan Sarawak memandangkan 50% isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin di Malaysia terdiri daripada golongan ini, berbanding dengan 20% pada tahun 1989.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan komited dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan negara dan telah meletakkan sasaran pengurangan kemiskinan kepada tahap 2.0% pada

akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Sebagai contoh dalam tempoh *Rolling Plan 1* (RP1), Kerajaan menerusi Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta masing-masing bagi melaksanakan Projek Khas Bumiputera Sabah dan Sarawak yang meliputi pembangunan ekonomi, infrastruktur, *Native Customary Rights* (NCR), *Native Courts* dan pembangunan masyarakat Penan di Sarawak.

Secara dasarnya, langkah-langkah utama yang telah dan akan diambil bagi menangani isu kemiskinan di Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

- i. Memperkukuhkan dan memantapkan lagi pelaksanaan program-program sedia ada di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dengan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada:
 - a) Meningkatkan pendapatan bulanan kumpulan sasar melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Justeru itu, sejumlah RM115.64 juta telah

diperuntukkan dalam RMKe-9 kepada negeri Sabah dan Sarawak bagi membiayai pelaksanaan projek-projek yang boleh menjana dan meningkatkan pendapatan kumpulan sasar miskin dan miskin tegar.

- b) Memperkukuhkan modal insan kumpulan sasar melalui pelaksanaan kursus dan latihan kemahiran di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Bagi menjayakan matlamat ini, Kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM37.79 juta khusus bagi melatih kumpulan miskin dan miskin tegar di negeri Sabah dan Sarawak.

c) Menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa di bawah Program Bantuan Rumah (PBR). Bagi tujuan ini, Kerajaan telah meletakkan sasaran untuk membina sejumlah 24,221 unit di negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh 2010 hingga 2012 dengan unjuran kos pembangunan berjumlah RM682.44 juta.

Kerajaan akan meneruskan strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi di luar bandar melalui Projek Lonjakan Mega yang berkonsepkan Agropolitan dan Projek Ladang Sejahtera. Antara contoh projek-projek berkenaan adalah seperti Projek Agropolitan Pulau Banggi dan Agropolitan Gana di Sabah; Projek Agropolitan Batang Sadong, Agropolitan Batang Lupar, Agropolitan Pulau Brait dan Agropolitan Ulu Awik, Gunung Sadok di Sarawak serta Projek Ladang Sejahtera di Semenanjung Bengkoka, Sabah.

iii. Meneruskan strategi dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas seperti pembinaan jalan luar

bandar, bekalan air serta elektrik yang lebih baik bagi menangani fenomena kemiskinan di kalangan minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak. Bagi tujuan ini, Kerajaan melalui *National Key Result Area* (NKRA) khasnya di bawah *Rural Basic Infrastructure* (RBI) yang diterajui oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) yang akan memberikan manfaat pembangunan seperti berikut:

a) Meningkatkan kemudahan jaringan jalan

raya di Sabah dan Sarawak dengan sasaran membina 1,926.02 kilometer jalan luar bandar;

b) Membekalkan kemudahan bekalan air bersih

kepada 196,000 unit rumah di Sabah dan Sarawak; dan

c) Meningkatkan liputan bekalan elektrik

kepada 133,000 unit rumah di Sabah dan Sarawak.

iv. Memperkukuh dan meningkatkan lagi keberkesanan

sistem penyampaian program- program pembasmian kemiskinan melalui penubuhan "Focus Group" Pembasmian Kemiskinan di peringkat nasional, negeri dan daerah yang akan berperanan dalam menyelia perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penyaluran peruntukan bagi program/projek pembasmian kemiskinan.

- v. Kerajaan juga telah membangunkan pangkalan data kemiskinan nasional yang dikenali sebagai eKasih dan akan menjadi pusat rujukan utama dalam menyediakan profil komprehensif golongan miskin dan miskin tegar yang akan diberi bantuan.

Dalam tempoh 10 tahun (RMKe-8 hingga RMKe-9), usaha pembasmian yang dilaksanakan oleh Kerajaan di kedua-dua buah negeri telah berjaya memberikan impak positif dalam pengurangan kadar kemiskinan. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar kemiskinan di negeri Sabah telah berkurangan daripada 23.4% pada tahun 1999 kepada 19.2% pada tahun 2009.

Begitu juga di negeri Sarawak, di mana berlaku penurunan kadar kemiskinan daripada 10.9% kepada 5.3% dalam tempoh yang sama.

Dengan langkah-langkah dan status pencapaian yang telah dinyatakan, **Kerajaan yakin insiden kemiskinan di Sabah dan Sarawak akan dapat ditangani dengan sewajarnya.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

SOALAN

Tuan Mohamed Azmin bin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah keluasan tanah yang diambil oleh Kerajaan dan jangkaan jumlah pampasan terlibat bagi projek pembinaan MRT.

SOALAN NO.358

I

SOALAN NO.357

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Keluasan tanah yang akan diambil balik bagi pembinaan MRT
Jajaran Sungai Buloh - Kajang akan diputuskan selepas dokumen
Skim Keretapi diluluskan. Begitu juga dengan pampasan yang
tertakluk kepada jumlah tanah di atas.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 98 g

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

KAWASAN GOMBAK

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah pampasan yang

SOALAN NO.: 23 g

diberikan kepada semua konsesi lebuhraya antara tahun 2000 hingga 2010 mengikut tahun dan syarikat konsesi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan dalam bentuk tunai yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat- syarikat konsesi lebuhraya untuk tempoh sehingga 31 Disember 2010 ialah sebanyak RM2.05 bilion.

Pampasan tersebut perlu dijelaskan berikutan dari keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi lebuhraya- lebuhraya yang sedang beroperasi sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi.

Di samping itu Kerajaan juga perlu membayar pampasan disebabkan oleh faktor-faktor lain, antaranya seperti penghapusan kutipan tol (Plaza Tol Senai, Lebu Raya Utara Selatan; Plaza Tol Salak Jaya, Lebu Raya Sungai Besi; dan Plaza Tol PJS 2, Arah Kuala Lumpur di Lebu Raya Pantai Baru), penetapan diskaun 50% kadar tol untuk bas dan pampasan kerana tidak melaksanakan *restriction order* di Lebu Raya Selat Klang Utara Baru (NNKSB).

Maklumat mengenai jumlah pecahan pampasan tol mengikut lebu raya ialah untuk tempoh sehingga 31 Disember 2010 ialah seperti berikut:

BIL.	LEBUHRAYA	JUMLAH <RM
1.	Lebuhraya Utara Selatan (PLUS)	735.22
2.	Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE)	13.79
3.	Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	9.78
4.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KL-Karak)	100.86
5.	Jambatan Pulau Pinang	181.23
6.	Lebuhraya Seremban Port Dickson (SPDH)	0.18
7.	Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA)	31.98
8.	Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE)	24.21
9.	Lebuhraya Cheras-Kajang (GRAND SAGA)	105.15
10.	Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)	631.31
11.	Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	8.21
12.	Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur (AKLEH)	45.86
13.	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)	76.43
14.	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB)	30.87
15.	Lebuhraya Metramac	0.40
16.	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	25.78
17.	Lebuhraya Sistem Lingkaran Luar Kajang (SILK)	2.71
18.	Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT 1)	1.61
19.	Lebuhraya Shah Alam-Kuang (GUTHRIE)	0.10
20.	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	17.62
21.	Lebuhraya SMART	6.59
22.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX)	1.08
23.	Lebuhraya Kajang-Seremban LEKAS)	0.01
24.	Lebuhraya Duta Ulu Kelang (DUKE)	0.16
25.	Lebuhraya Senai Desaru (SDE)	0.01
26.	Lebuhraya Kemuning Shah Alam (LKSA)	-

BIL.		JUMLAH PAMPASAN (RMJUTA)
27.	Lebuhraya Lembah Kelang Selatan (SKVE)	.
	JUMLAH	2,051.15

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN
DARIPADA **PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO: 359

SOALAN **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

BERTULIS

TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG
RENGGAM)

TUAN LIANG TECK MENG minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan syarikat-syarikat yang telah
mendapat kontrak membekal benih padi sah
bagi tahun 2011-2012 dan kuantiti yang
diluluskan. Apakah asas pemilihan syarikat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli
Yang Berhormat,

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

Pada tahun 2011, Kementerian telah menetapkan 2 syarat asas pemilihan syarikat iaitu:

- 1) Syarikat bertaraf Bumiputera; dan
- 2) Syarikat mempunyai kilang memproses benih padi.

Sebanyak 18 syarikat telah memohon untuk menjadi pengedar benih padi sah ini. Setelah ditapis dan membuat lawatan tapak, hanya 9 syarikat sahaja yang lavak dilantik sebagai pembekal biji benih seperti di bawah dan agihan kuota kepada mereka berdasarkan kapasiti kilang masing-masing.

BIL.	SYARIKAT	• KUOTA (MT)
1	Paddytech Resources Sdn. Bhd.	3,158
2	Kilang Beras Jelapang Selatan (M) Sdn. Bhd.	3,158
3	FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd.	6,316
4	KADA	6,316
5	PPK Lahar Bubu	7,680
6	Bernas Bhd.	9,474
7	Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn. Bhd.	9,474
8	Haji Md Nor bin Hj Abd. Rahman (M) Sdn. Bhd.	12,632
9	Kilang Beras Seri Merbok Sdn. Bhd.	21,792
JUMLAH		80,000 1

Pengiraan kuota pula dikira menggunakan formula *stress ratio* seperti berikut:

$$\frac{\text{Kapasiti loji setiap pemohon}}{\text{kapasiti loji semua pemohon}} \times 100\% \times \text{Jumlah kuota} = \frac{\text{Jumlah Jumlah}}{\text{BPS (80,000mt)}} \times \text{Kuota Pemohon}$$

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

BERTULIS

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah jenis program bantuan dan pengembangan yang diberikan oleh Kementerian untuk membantu golongan penternak unggas, penanam sayur dan buah - buahan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-10.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa memberi bantuan dan galakan kepada petani dan penternak yang berminat untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke - 10, bantuan yang diberikan kepada penanam sayur - sayuran dan buah - buahan melalui Jabatan Pertanian adalah Insentif Amalan Teknologi. Bantuan adalah berupa kelengkapan dan kemudahan bagi sistem pengairan, saluran dan perparitan, pembajaan, kawalan perosak tanaman, penggunaan klon yang berkualiti dan pasca tuai, penyediaan dan pembangunan kawasan, infrastruktur ladang, pengujian dan penyesuaian teknologi tanaman. Selain itu, Jabatan ini juga memberi bantuan dari aspek latihan dan lawatan pengembanagan secara berjadual ke kawasan pertanian untuk memberi tunjuk ajar kepada petani terlibat.

Bagi penternak - penternak unggas pula, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menyediakan bantuan-bantuan di bawah Program Pengukuhan Industri Unggas. Bantuan adalah berupa peralatan seperti set inkubator, mesin pembancuh makanan, pagar dan infrastruktur bagi meningkatkan pengeluaran dan kualiti ayam daging dan ayam penelur. JPV turut memberikan bantuan khidmat nasihat dan perkhidmatan teknikal dan klinikal serta kepada petani dan penternak dalam usaha meningkatkan daya saing.

SOALAN NO: 361

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

BERTULIS

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan adakah Kementerian masih memberikan
bantuan geran kepada usahawan asas tani dalam
tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-10.
Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk
program ini bagi tahun 2011 dan 2012.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011), tiada pemberian geran secara terus diberi kepada usahawan industri asas tani tetapi diberi dalam bentuk latihan modal insan dan promosi kerana peruntukan yang diterima sangat terhad iaitu RM6 juta sahaja. Tahun 2012 kementerian tiada cadangan untuk pemberian geran memandangkan peruntukan yang diterima hanya RM10 juta sahaja.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme yang akan diadakan untuk membantu golongan berpendapatan rendah apabila subsidi petrol dan barang-barang lain dikurangkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Langkah rasionalisasi subsidi adalah perlu dalam usaha untuk memastikan peruntukan sumber yang lebih cekap, mengurangkan herotan pasaran dan aktiviti penyeludupan dan meringankan beban fiskal Kerajaan serta meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi boleh disalurkan kepada program dan projek yang memberi faedah kepada rakyat. Rasionalisasi subsidi ini akan dilaksanakan secara teliti dan beransur-ansur agar ia memberi kesan yang minimum kepada pengguna dan perniagaan serta mengekang tekanan inflasi.

Kerajaan telah mengambil pelbagai usaha untuk membantu golongan yang mudah terjejas bagi mengurangkan beban kenaikan harga barang. Antara langkah yang diambil termasuk:

Meneruskan pemberian subsidi bagi petrol RON 95, diesel dan LPG serta barangan makanan seperti beras ST15%, gula dan tepung gandum. Untuk mengelakkan kenaikan harga runcit RON95, peruntukan bagi subsidi petroleum, diesel dan LPG sebanyak RM5.6 bilion ditambah daripada RM10.3 bilion kepada RM15.9 bilion bagi tahun 2011. Kerajaan masih lagi menanggung subsidi gula sebanyak RM283 juta walaupun subsidi gula telah dikurangkan 20 sen pada bulan Mei 2011;

Menyeragamkan harga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi harga keperluan asas seperti beras, tepung gandum, gula dan gas masak. Bagi tahun ini, peruntukan sebanyak RM200 juta telah sedia di bawah Program Pengedaran Barang Perlu seperti beras, minyak masak, gula, tepung, gas, petrol dan diesel bagi menyeragamkan harga barangan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta kawasan tertentu di Semenanjung Malaysia;

Di samping itu, peruntukan bagi subsidi minyak masak di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak juga ditambah sebanyak RM700 juta daripada RM928 juta kepada RM1.6 bilion bagi tahun 2011.

Meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barangan yang dikawal supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga. Sehubungan ini, Kerajaan telah menggubal Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 yang berkuat kuasa pada 1 April 2011. Akta ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan mengekang syarikat atau individu menjual barangan atau menawarkan perkhidmatan pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran secara melampau;

Memantau bekalan barangan keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran yang boleh memberi kesan kepada harga;

Memansuhkan duti import ke atas beberapa jenis barang makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM974 juta sebagai pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi, RM230 juta untuk intensif pengeluaran dan peningkatan hasil padi serta RM170 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan bagi tujuan meningkatkan pengeluaran makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM235 juta bagi meningkatkan pengeluaran padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dan kawasan lain dengan menaik taraf sistem pengairan dan

penggunaan benih padi bermutu tinggi;

Mewujudkan portal interaktif "IMalaysia Pengguna Bijak" bagi memudahkan rakyat mengikuti perkembangan harga terkini barang, meliputi 7 ribu premis perniagaan seluruh negara;

Melanjutkan galakan potongan cukai pendapatan bagi pelabur dan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan selama 5 tahun sehingga 2015;

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa memantau pergerakan dan perkembangan harga terkini dan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya ia tidak menjejaskan kehidupan harian rakyat terutama golongan mudah terjejas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan kajian yang dijalankan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam usaha menghasilkan tenaga geotermal. Adakah kajian begini menguntungkan kerana Malaysia tidak terletak di Lingkaran Api Pasifik

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tenaga geothermal merupakan tenaga yang boleh diperbaharu atau dengan izin *renewable* dan mesra alam. Oleh yang demikian, pembangunan sumber geotermal adalah sebahagian daripada usaha TNB dalam menyokong aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan lagi penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharu bagi memastikan sektor tenaga yang mampan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Semenanjung Malaysia terletak 400 km daripada sistem lingkaran api pasifik. Walau bagaimanapun, ia masih merupakan jarak yang hampir walaupun ia tidak berada di dalam lingkaran api tersebut. Oleh yang demikian, terdapat banyak 'manifestasi' atau sumber air panas di

Semenanjung Malaysia dan menurut data daripada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, dianggarkan terdapat lebih daripada 70 lokasi sumber air panas di Semenanjung Malaysia.

Kajian awal oleh TNB menunjukkan 'manifestasi' tersebut mempunyai potensi tenaga geothermal yang boleh dibangunkan untuk penjanaan tenaga elektrik. Oleh yang demikian, pihak TNB sedang menjalankan kajian yang lebih mendalam untuk menentukan '*viability*' potensi-potensi ini untuk penjanaan elektrik. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan sumber geotermal ini dapat dieksploitasi sepenuhnya sekiranya ia benar-benar mempunyai potensi. Ia adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengeksplorasi sepenuhnya sumber-sumber tenaga boleh baharu yang ada di negara ini.

SOALAN NO. 364

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN JAWAB

LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI

KAMARUDDIN (AMPANG)

TARIKH 13 JUN2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah bilangan dan peratusan statistik kes kegiatan pelacuran dan zina yang telah dapat dikurangkan melalui

program-program di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). **JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius terhadap kegiatan pelacuran dan zina sehingga menyebabkan kanak-kanak atau wanita mengandung. Tanggungjawab menangani kegiatan pelacuran dan perbuatan zina sehingga menyebabkan kanak-kanak atau wanita mengandung bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata. Kerjasama dari pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam serta badan-badan bukan Kerajaan, sektor korporat dan masyarakat umum amat penting dalam usaha membendung masalah ini secara bersepadu.

Dalam usaha menangani kegiatan tersebut, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil langkah-langkah berikut:

- a) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai saiaj satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang berisiko untuk terdedah kepada bahaya moral;
- b) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-Kanak 2001;
- c) Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD);
- d) Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti *SmartStart* dan Modul

Kasih. Selain itu, Program *Parenting@Work* juga telah diperkenalkan di mana pihak Kementerian mengambil pendekatan untuk memberikan kursus ini di tempat kerja memandangkan kesukaran untuk ibu bapa menghadiri kursus atas faktor kesibukan di pejabat serta komitmen terhadap keluarga; dan

- e) Mewujudkan Pusat Remaja *Kafe@TEEN* yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja.

Keberkesanan program-program yang dijalankan oleh KPWKM dapat dilihat melalui penurunan dalam statistik penghuni di institusi kebajikan yang terlibat dengan gejala perhubungan luar nikah sebanyak 29 peratus pada tahun 2010.

Jumlah kes pelacuran dan zina hingga melahirkan anak bagi tahun 2009 hingga 2010 adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual berikut:

**PENGHUNI YANG MELAHIRKAN ANAK DI INSTITUSI KEBAJIKAN (TAMAN SERI
PUTERI) BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2010**

Umur Penghuni	2009	2010
12 tahun	0	0
13 tahun	1	2
14 tahun	8	7
15 tahun	30	22
16 tahun	35	46
17 tahun	69	33
18 tahun dan ke atas	31	13
Jumlah	174	123

Antara hasilnya, seramai 382 orang sukarelawan masyarakat Penan telah dilahirkan. Mereka adalah terdiri daripada golongan wanita, remaja dan pelajar sekolah.

Sukarelawan ini diberi latihan melalui program *training of trainers* (TOT) bagi memastikan mereka lebih memahami dan mempunyai pengetahuan asas berhubung konsep gangguan seksual, pembangunan minda dan pengurusan emosi untuk menjadi pembimbing kepada rakan sebaya dan masyarakat setempat.

Selain itu, pada tahun **2011**, Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan **3 unit bot gentian kaca, 1 unit perahu temuai dan 1 unit *speedboat* panjang untuk** kemudahan pengangkutan bagi warga Penan bagi Daerah Bintulu, Miri, Limbang, Kapit dan Mukah. Kemudahan ini dapat mencegah insiden eksploitasi seksual ke atas wanita Penan terutamanya pelajar-pelajar perempuan oleh orang luar. Selain itu, kemudahan pengangkutan ini juga membolehkan masyarakat Penan berhubung dengan dunia luar.

JKM juga telah menempatkan seramai 16 orang pegawai kontrak di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Belaga, Limbang dan Marudi khusus bagi melancarkan urusan penyaluran bantuan kebajikan kepada masyarakat kaum Penan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

BUKAN LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI

KAMARUDDIN (AMPANG)

TARIKH 13 JUN2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah wujud satu sistem sokongan pengukuhan bagi membantu institusi keluarga muda, iaitu golongan yang paling terjejas teruk akibat tekanan kenaikan harga barang yang membebankan kini.

JAWAPAN :

Kerajaan sedar bahawa golongan keluarga muda menghadapi tekanan akibat kenaikan harga barang dan telah pun mengambil langkah untuk mewujudkan sistem sokongan. Kajian mengenai Kesan Inflasi Terhadap Institusi Keluarga yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2008 mendapati 95% daripada responden menyatakan menghadapi kesukaran untuk keluarga mereka menangani dan berhadapan dengan kenaikan harga barangan. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-4 (MPFS-4) pada tahun 2004 juga mendapati bahawa kewangan merupakan masalah utama yang dihadapi keluarga.

Justeru itu, Kerajaan telah merangka pelbagai strategi dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah. Sehingga 15 Mei 2011, melalui program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA),

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah berjaya

mendaftar 14,864 Ketua Isi Rumah yang berdaftar dalam e-KASIH untuk mengikuti program 1AZAM (AZAM Kerja, AZAM Khidmat, AZAM Tani dan AZAM Niaga). Program ini dijangka dapat membantu keluarga berpendapatan rendah, termasuk keluarga muda, mengatasi tekanan hidup.

Selain itu, Kementerian ini melalui LPPKN telah menjalankan beberapa program pendidikan untuk membantu keluarga, termasuk keluarga muda, bagi menangani isu-isu kewangan seperti berikut:

i) Program SMARTbelanja@LPPKN

Mengadakan sesi interaktif bagi seisi keluarga dalam pengurusan kewangan keluarga mengikut kemampuan. Sebanyak 88 program

SMARTbelanja@LPPKN telah diadakan di seluruh negara sejak tahun 2008 melibatkan 4,754 ahli keluarga dengan kerjasama pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

ii) Program SMARTSTART

Memasukkan aspek pengurusan sumber keluarga dalam kursus PraPerkahwinan SMARTSTART untuk membantu pasangan yang ingin berkahwin dan mereka yang baru berkahwin (kurang 5 tahun) melayari rumah tangga dengan lebih positif. Sejak dimulakan pada Julai 2006 hingga Disember 2010 lebih daripada 12,500 peserta telah melalui kursus ini yang dijalankan dengan kerjasama NGO dan Badan-badan Agama.

Kaunseling Perkahwinan dan Kekeluargaan

Menyediakan khidmat kaunseling yang turut meliputi pengurusan kewangan dan stres bagi keluarga mengatasi isu-isu kekeluargaan. Perkhidmatan tersebut kini boleh diakses oleh lebih ramai keluarga berikutan pelantikan 52 orang kaunselor berdaftar secara “*sessionar*”

di 34 Pusat Keluarga LPPKN di seluruh negara.

MO-AUM: 37S

~~NQTAUP~~ ^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]

TARIKH

RUJUKAN 3846

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan Ampang bertarikh 30 Jun 2010, sejak Mei hingga Disember 2010, berapakah bilangan kes yang telah dapat dikurangkan dan Berjaya diselesaikan melalui inisiatif mengurangkan jenayah di bawah NKRA, *Omnipresence*, pemasangan CCTV dan program Polis Komuniti yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Ampang yang mengemukakan pertanyaan.

Berdasarkan rekod, Jenayah Indeks pada tahun 2009 ialah sebanyak 209,817 kes manakala pada tahun 2010 ialah 177,520 kes yakni penurunan sebanyak 32,297 kes atau 15%. Bagi Jenayah Jalanan pula, pada tahun 2009 sebanyak 13,193 kes atau 35 peratus.

Penurunan jenayah ini adalah disebabkan oleh pelbagai inisiatif yang telah dijalankan pada tahun 2010 dan ianya masih berterusan. Antaranya *omnipresence* di mana lebih ramai kehadiran anggota polis dipertingkatkan di kawasan-kawasan *hotspot*. Pada masa yang sama seramai 8,956 orang anggota Sukarelawan Simpanan Polis, RELA dan JPAM akan turun meronda bersama-sama anggota PDRM.

Balai Polis Bergerak juga dilihat signifikan dalam menampakkan kehadiran polis terutamanya di kawasan *hotspot*. Sebanyak 90 unit Balai Polis Bergerak dengan pecahan 60 unit van dan 30 unit bas telah beroperasi di 4 kontinjen polis *hotspot* iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Omnipresence juga dibantu dengan inisiatif kontinjen yang mewujudkan OPS Payung di mana ia menempatkan anggota polis di kawasan *hotspot* dan stesenya di bawah payung.

Untuk menjayakan usaha-usaha bagi mengurangkan jenayah, kerjasama pelbagai pihak telah dijalinan. Dalam hal ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memasang 496 unit CCTV yang melibatkan 24 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Semenanjung Malaysia pada tahun 2010.

Memang tidak dinafikan bahawa pemasangan CCTV ini sedikit banyak telah membantu dalam mengurangkan kadar jenayah. Hal ini terutamanya apabila CCTV itu dapat berfungsi sebagai "*deterrence*" kepada kejadian jenayah.

Akhimya adalah penting bagi masyarakat untuk bersama-sama menjayakan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh PDRM antaranya polis komuniti. Program-program polis komuniti akan membantu merapatkan lagi perhubungan antara masyarakat dan pihak polis. Lagipun, keselamatan adalah tanggungjawab semua orang.

taman permainan kanak-kanak dan lain-lain), kafeteria, kemudahan orang kurang upaya dan lain-lain.

Peningkatan prasarana terutama sistem perparitan dan pembedungan (berpusat) di kampung-kampung akan dapat dipertingkatkan melalui penjanaan, pengezonan dan pembangunan semula kawasan kampung. Sebuah jambatan untuk kenderaan ringan juga dicadangkan dibina di Kg. Kuala Ampang bagi

mempertingkatkan kemudahsampaian penduduk setempat ke Zon Industri Bebas Hulu Kelang.

Peluang-peluang ekonomi penduduk kampung di kawasan Ampang juga dicadangkan dipertingkatkan melalui pembinaan pusat inkubator di Kg. Cheras Baru dan inap desa di Kg. Kemensah. Pusat inkubator ini dijangka mampu melatih usahawan-usahawan di kawasan Ampang terutamanya usahawan Bumiputera bagi latihan pengurusan, pembungkusan dan pemasaran. Pembangunan inap desa di Kg. Kemensah akan dapat dimajukan kerana kedudukannya yang berdekatan dengan kawasan eko pelancongan.

Program-program pengindahan dan peningkatan imej persekitaran kampung juga akan dijalankan melalui program landskap yang melibatkan semua kampung di kawasan Ampang. Penglibatan secara terus daripada penduduk setempat terutama dari aspek penyelenggaraan kawasan landskap masing-masing akan difokuskan melalui cadangan ini.

Pelaksanaan setiap cadangan-cadangan ini akan mengambilkira

segala keperluan perundangan sedia ada seperti Garis Panduan dan Piawaian Perancangan. Langkah ini akan dapat memastikan pembangunan yang dirancang dilaksanakan dengan lebih tersusun.

Berhubung masalah setinggan di kawasan Ampang yang mana dahulunya kawasan petempatan setinggan ini merupakan penempatan yang usang, tidak teratur, kurang kemudahan dan menghadapi pelbagai masalah sosial, kini kawasan-kawasan setinggan ini telah dimajukan. Kebanyakan penduduk kawasan setinggan tinggal dengan selesa di rumah-rumah mampu milik atau rumah kos rendah yang didirikan di tapak asal setinggan tersebut seperti Taman Desa Lembah Jaya Utara (dahulunya Kg.Muhibbah) dan Taman Ukay Bistari (dahulunya Kg. Pasir) dan menikmati segala kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Kerajaan juga amat prihatin dalam menangani isu banjir kilat di negara ini. Masalah banjir kilat yang berlaku terutama di kawasan Kampung Pandan, Kampung Cheras Baru dan Kampung Tasek Permai dikenalpasti berpunca daripada sistem perparitan sedia ada yang kurang sempurna. Bagi mengatasi masalah banjir kilat ini, Kerajaan akan memberi penekanan kepada usaha-usaha menaiktaraf sistem perparitan di kawasan berlaku banjir kilat bagi memastikan aspek kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan hidup penduduk dapat dicapai.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2011

Bank Negara Malaysia atau kebenaran bertulis daripada pelanggan berkenaan dan perkara adalah tertakluk kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, Seksyen 119 (Kerahsiaan) (DAFIA Act 2002),

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

JAWAB BUKAN LISAN TUAN MUHAMMAD BIN
HUSAIN NO. 372

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta
MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah
pelajar negara ini yang memperolehi ijazah, diploma dan sijil melalui sistem
pengajian atas talian (*online*) sejak 2005 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan graduan IPTA yang mengikuti pembelajaran secara maya/on-line
dan pendidikan jarak jauh (ODVL) pada tahun 2009 adalah seramai 2,058
orang dan pada tahun 2010 pula seramai 1,960 orang. Manakala graduan
IPTS pula adalah seramai 8,383 orang pada tahun 2009 dan 9,405 orang
pada tahun 2010.

SOALAN NO: 375

I

adalah sebanyak 77,064 orang. Jumlah ini adalah sebanding dengan jangkaan (*methametical estimation*) yang dibuat oleh pihak UNAIDS/WHO di mana Malaysia mempunyai di antara 80 - 110,000 *PLHIV*.

Menurut laporan Registri Kanser Kebangsaan iaitu *Malaysia Cancer Statistics, Data and Figure 2007*) sebanyak 18,219 kes-kes baru kanser pada tahun 2007 disahkan dan dilaporkan. Dari jumlah ini, sebanyak 3,242 kes atau 18.1% adalah kanser payudara di kalangan wanita. Seperti di kebanyakan negara lain di dunia, kanser payudara merupakan kanser yang paling tinggi di negara ini iaitu menyumbang sebanyak 32.1% bagi keseluruhan kes kanser di kalangan wanita. Kejadian kanser ini adalah tertinggi bagi kumpulan umur 50-59 tahun. Ia juga lebih kerap berlaku di kalangan bangsa Cina diikuti dengan bangsa India dan Melayu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

**YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

- (a) jenis dan kebaikan loji tenaga dari bahan-bahan api arang batu yang moden dibina di Malaysia yang mampu mengurangkan pengeluaran CO₂; dan
- (b) benarkah mulai tahun 2014 ini Malaysia akan membeli gas dari luar negara dalam menjana tenaga elektrik negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa menitikberatkan aspek-aspek kemampanan dan keseimbangan terhadap alam sekitar dalam setiap perancangan pembangunannya. Justeru, penggunaan teknologi penjanaan elektrik berasaskan arang batu di negara ini adalah berdasarkan kepada teknologi *clean coal technology* yang mesra alam, di mana kadar pencemaran yang dihasilkan berada pada atau di bawah tahap yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam

Sekitar (JAS). Kadar pencemaran ini akan dipantau secara berterusan oleh JAS bagi memastikan ianya mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

Antara kebaikan loji-loji jana kuasa yang menggunakan teknologi ini adalah kadar pembebasan CO₂ yang jauh lebih rendah berbanding dengan loji jana kuasa arang batu yang menggunakan teknologi konvensional.

Pada masa ini, bahan api gas kepada sektor elektrik dibekalkan oleh Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) untuk menjana tenaga elektrik negara. Permintaan bekalan gas kepada sektor elektrik dijangka akan terus meningkat selaras dengan pembangunan tambahan beberapa loji janakuasa berasaskan gas bagi menampung permintaan terhadap bekalan elektrik yang dijangka akan meningkat pada kadar 3.2% setahun sehingga tahun 2020. Peruntukan gas yang diperlukan untuk sektor tenaga menjelang tahun 2016 dijangka tidak lagi dapat ditampung dari sumber gas tempatan. Sehubungan dengan itu, pihak Petronas sedang membangunkan terminal

re-gassification Liquefied Natural Gas (LNG) di Melaka yang akan digunakan bagi memproses semula LNG yang diimport.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

SOALAN

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :**

- (a) status tebatan banjir yang telah dilaksanakan sepanjang 2010 di Lembah Kelang; dan
- (b) jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sepanjang 2010 dalam mengurus selia sungai-sungai di Lembah Kelang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pelaksanaan program tebatan banjir yang dilaksanakan sepanjang tahun 2010 di Lembah Kelang adalah ianya telah siap sepenuhnya.

- (b) Jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sepanjang 2010 bagi mengurus selia sungai-sungai di Lembah Kelang melalui peruntukan persekutuan adalah sebanyak RM3,076,381.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

SOALAN

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan status terkini rumah-rumah terbengkalai yang berjaya dipulihkan dan jumlah peruntukan yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2011, sebanyak 79 projek melibatkan 15,085 unit rumah dan 8,821 pembeli telah berjaya dipulihkan / diselesaikan. Peruntukan yang telah digunakan bagi tujuan ini hanyalah sebanyak RM1.4 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) manakala anggaran sebanyak RM50 juta daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Kebanyakan projek yang telah diselesaikan/dipulihkan adalah dengan menggunakan kaedah "self /und/ng" iaitu dengan menggunakan dana sedia ada dalam projek itu sendiri.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

BERTULIS

DARIPADA Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

KAWASAN HULU LANGAT

SOALAN:

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah yang perlu diambil dalam mengatasi kesesakan yang sangat merunsingkan di jalan Dusun Tua dari Pekan Batu 9 Cheras menuju ke tempat rekreasi Gabai, Chongkak dan Pangson.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di Jalan Persekutuan FT 3210 dari Pekan Batu 9, Cheras hingga ke Dusun Tua, Hulu Langat sepanjang 24 kilometer. Pada masa kini jumlah bancian trafik yang dicatatkan di ialuan 2 lorong sehala (*single carriageway*) tersebut ialah sebanyak 35,000 kenderaan sehari, iaitu mencapai *Level of Service* (LOS) F di mana sering berlaku kesesakan yang teruk pada waktu puncak.

Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menjalankan Kajian Kemungkinan Awalan di ialuan berkenaan dan mencadangkan Jalan Persekutuan FT 3210 tersebut dinaikkan taraf sepanjang 15 kilometer sahaja kepada standard piawai JKR R5, 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*). Anggaran kos projek yang terlibat ialah sebanyak RM180 juta, termasuk kos pengambilan balik tanah dan kos pengalihan utiliti. Projek ini akan dipohon sebagai projek berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan oleh Agensi Pusat, iaitu Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA	PUAN TEO NIE CHING
SOALAN	N0.379

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan perkembangan untuk membangunkan Johns Hopkins Medical School berserta hospital 600 katil dan sebuah pusat penyelidikan di Serdang, Selangor. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menjadikan Malaysia sebuah hab latihan perubatan berkemahiran tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah hab latihan perubatan berkemahiran tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan penubuhan dan pendaftaran Perdana Universiti yang akan beroperasi di kampus sementara di Serdang, Selangor mulai September 2011 ini. Pada Fasa Pertama penubuhannya, Perdana University akan menawarkan program pengajian secara kerjasama dengan dua universiti perubatan yang terkemuka iaitu Johns Hopkins University School of Medicine dan Royal College of Surgeon, Ireland (RCSI).

Academic Medical Centre Sdn Bhd (AMC) sebagai syarikat yang akan menguruskan Perdana University telah bersetuju "*to design, develop, finance, construct, complete, operate and maintain a world-class integrated academic medical centre comprising a medical school, a teaching hospital and a life sciences research center and technopark*". Sehubungan dengan itu, pengurusan Perdana University komited untuk menubuhkan sebuah Hospital Perubatan bagi kemudahan latihan klinikal pelajar-pelajarnya.

Penawaran program perubatan secara kerjasama ini akan dapat memberikan manfaat kepada Malaysia dalam beberapa perkara, antaranya:-

- i. menarik minat pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian perubatan di Malaysia dengan kos yang lebih kompetitif berbanding dengan kos bagi mengikuti program yang sama di USA dan UK;
- ii. melalui program kerjasama ini, perancangan ke atas mobiliti tenaga pengajar dan pelajar dapat di capai. Malahan pihak Johns Hopkins University dan RCSI telah bersetuju untuk mengadakan "*staff development programme*" bagi memastikan tenaga pengajar yang akan mengajar di Perdana University mempunyai kemahiran dan kualiti yang diamalkan di kampus induk;
- iii. mempertingkatkan tahap pembudayaan penyelidikan di kalangan tenaga pengajar di Perdana University memandangkan aspek penyelidikan adalah keutamaan bagi kedua-dua institusi; dan memberikan peluang kepada lebih ramai pelajar tempatan mengikuti program perubatan dengan institusi ternama dalam bidang perubatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUANTEO NIECHING
[SERDANG]

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada Kementerian berniat untuk meminda undang-undang untuk memberi kuasa yang lebih besar kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) ataupun Jawatankuasa Pengurusan (Management Committee) untuk memungut bayaran maintenance yang dihutang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi kuasa yang lebih besar kepada *Joint Body Management* (JMB) untuk memungut tunggakan bayaran caj penyenggaraan daripada pemilik-pemilik petak.

Di bawah Seksyen 32 dan 33 Akta 663, kuasa secukupnya telah diberikan kepada JMB untuk mengutip tunggakan tersebut. Seksyen 32 menjelaskan bahawa selain membuat tuntutan terus daripada pemilik, JMB juga boleh menggunakan proses mahkamah untuk menuntut tunggakan tersebut daripada pemilik.

Tindakan itu membolehkan harta milik pemilik dibekukan atau dilelong oleh mahkamah bagi menjelaskan tunggakan tersebut. Di bawah Seksyen 33 pula, *Commissioner Of Building* (COB) telah diberi kuasa untuk mengeluarkan waran penahanan ke atas harta alih ke atas pemilik-pemilik petak yang mempunyai tunggakan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

NO. SOALAN :381

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN TEO NIE GHING (SERDANG)

TARIKH

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Pusat merancang untuk menyamakan saiz kawasan pengundian dan nombor pengundi (*equalise constituency size and number of voters*).

Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak dapat memperseimbangkan saiz

sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih samaada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana keadaan muka bumi, penempatan penduduk dan kemudahan pentadbiran yang boleh didapati bagi mengadakan jentera pendaftaran dan pengundian yang perlu, tidak sama dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Pada amnya kawasan bandar mempunyai penduduk yang padat dan mempunyai banyak kemudahan pentadbiran berbanding kawasan luar bandar yang mana kawasannya agak luas tetapi mempunyai penduduk yang kecil sahaja serta kurang kemudahan pentadbiran.

Untuk makluman Y.B, perbezaan saiz kawasan dan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya adalah dibenarkan oleh undang-undang kerana mengikut Fasal 2, Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan prinsip-prinsip persempadanan, menetapkan bahawa dalam melaksanakan urusan persempadanan, bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar, ukuran pewajaran bagi kawasan

SOALAN NO: 382

patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya itu.

Bagi menyelaraskan keluasan kawasan bahagian pilihan raya, SPR telah menetapkan asas penentuan pemilih bagi bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti berikut:-

KRITERIA BAGI PERSEMPADANAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA

KATEGORI BAHAGIAN	KRITERIA		
	LUAS KAWASAN (Kilometer Persegi)	JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN *	JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI
BANDAR	8-49 KMP	60,000 KE ATAS	25,000 KE ATAS
SEPARUH BANDAR	50 - 250 KMP	30,000 - 59,000	15,000-24,000
LUAR BANDAR + PENDALAMAN	> 250 KMP	30,000 KE BAWAH	15,000 KE BAWAH
* Kecuali bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan			

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA

PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING [Serdang] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan pencapaian Talentcorp Malaysia sejak penubuhan sampai hari ini.

JAWAPAN:

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkepakaran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan pada Januari 2011 dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

Antara program yang sedang dilaksana oleh TalentCorp adalah seperti berikut:

1. Program Pakar (Returning Expert Program - REP) telah dipindahkan ke TalentCorp pada tahun 2011. Pada bulan April 2011, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan insentif yang telah ditambahbaik untuk menggalakkan profesional Malaysia yang berkepakaran tinggi pulang ke Malaysia
2. Pas Residen yang telah diperkenalkan pada bulan April adalah salah satu pendekatan untuk mengekalkan pakar ekspatriat yang dapat menyumbang kearah pembangunan ekonomi negara
3. Kumpulan Kerja Sektorial seperti sektor Elektrik dan Elektronik kearah mengenal pasti keperluan modal insan serta menyediakan inisiatif untuk memenuhi keperluan tersebut

SOALAN NO: 384

4. Promosi dan outreach telah mula dijalankan untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai peluang kerjaya profesional di Malaysia yang semakin kompetitif.

TalentCorp akan bekerjasama dengan semua pihak berkaitan, termasuk awam dan swasta, dalam menyumbang ke arah usaha pemantapan dan pembangunan modal insan berkepakaran tinggi yang diperlukan untuk memacu ekonomi negara ke arah pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]
T ARIKH

RUJUKAN 3847

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kerja dan hasil siasatan tentang kes 2 orang pemuda menggantung ayam mati di Pejabat DAP Sg Chua pada 19 Januari,

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, status kes menggantung ayam mati di pejabat DAP Sungai Chua adalah masih didalam siasatan. Siasatan yang sedang dijalankan mendapati tiada saksi bebas yang berada di tempat kejadian. Usaha pihak polis untuk mendapatkan cap jari di kawasan kejadian juga tidak dapat menimbulkan kesan cap jari yang positif manakala keputusan siasatan rakaman CCTV masih dalam proses untuk diperolehi.

Pihak Kementerian berpendapat soalan yang diajukan adalah bersifat peribadi. Oleh yang demikian, isu-isu yang mempunyai kepentingan peribadi hendaklah dihindar daripada dibawa ke Parlimen berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Yang Di-Pertua Parlimen.

SOALAN NO.

384 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, menyatakan apakah program-program pemulihan yang dilaksanakan oleh Kerajaan di Pusat-pusat Pemulihan Akhlak untuk tahanan lelaki, wanita

dan juga kanak-kanak dan sama ada program ini diiktiraf oleh mana-mana pertubuhan antarabangsa dan sama ada ianya berjaya.

JAWAPAN :

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan Pusat-Pusat Pemulihan Akhlak bagi Kanak-Kanak. Sehingga kini terdapat 4 buah Taman Seri Puteri, 9 buah Sekolah Tunas Bakti dan 11 buah Asrama Akhlak.

Taman Seri Puteri merupakan institusi pemulihan dan perlindungan kanak-kanak perempuan khususnya mereka yang terdedah kepada bahaya moral dan terlibat dalam kancah pelacuran.

Sekolah Tunas Bakti pula adalah institusi pemulihan akhlak yang ditubuhkan di bawah Seksyen 65 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi pemulihan dan jagaan bagi kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan berhadapan dengan masalah akhlak.

Manakala Asrama Akhlak adalah institusi yang ditubuhkan di bawah Seksyen 61(1) Akta Kanak-Kanak 2001 yang menempatkan kes-kes reman dan pemulihan bagi kanak-kanak yang baharu terlibat dengan aktiviti jenayah dan sukar dikawal.

Program pemulihan yang dijalankan di institusi pemulihan menggunakan pendekatan "*Client Management System*" (*Behavioural Modification*) (CMS). Pendekatan ini turut digunapakai di negara Barat seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat. CMS menekankan pendekatan secara holistik yang merangkumi aspek pemulihan fizikal, spiritual, pendidikan formal, kemahiran

vokasional, bimbingan dan kaunseling serta sukan dan rekreasi.

Berhubung dengan pengiktirafan di peringkat antarabangsa, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah menerima pakai Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Bagi maksud tersebut, Malaysia telah membentangkan laporan kemajuan pelaksanaan kepada Jawatankuasa Mengenai Hak Kanak-Kanak, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva pada 14 Disember 2006, dan program di institusi pemulihan ini telah diterima oleh Jawatankuasa tersebut.

Selain daripada itu, pihak JKM juga telah memulakan inisiatif untuk mendapatkan pengiktirafan "*International Organisation for Standardization*" (ISO) berhubung dengan pengurusan dan pelaksanaan program di institusi pemulihan. Pengiktirafan ini dijangka akan diperolehi pada pertengahan tahun 2012.

Pelaksanaan program pemulihan yang dijalankan oleh institusi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menunjukkan kejayaan. Ini berdasarkan kepada laporan pemantauan yang dikemukakan oleh Pegawai Akhlak yang bertanggungjawab melaksanakan seliaan dalam tempoh dua tahun bagi setiap kanak-kanak yang telah dibebaskan.

Statistik tahun 2010 menunjukkan bahawa seramai seratus lima puluh 150 orang kanak-kanak yang dibebaskan daripada institusi pemulihan hanya seramai lima orang sahaja atau 3.3 peratus sahaja yang kembali mengulangi kesalahan jenayah seperti mencuri motorsikal.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO

SOALAN NO.

[PUCHONG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa buah sekolah kesemuanya di kawasan Parlimen Puchong dan bilangannya mengikut Sekolah Jenis Cina, Tamil dan Kebangsaan juga Sekolah Agama dan sama ada jumlahnya mencukupi untuk menampung jumlah pelajar pada masa kini dan dalam jangka masa 10 tahun serta tindakan yang perlu sekiranya tidak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga Mei 2011, jumlah sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di Parlimen Puchong adalah sebanyak 39 buah. Daripada jumlah tersebut 17 buah adalah sekolah kebangsaan, 4 buah SJKC, 4 buah SJKT, manakala 14 buah merupakan sekolah menengah kebangsaan.

Buat masa ini jumlah sekolah di kawasan parlimen Puchong adalah mencukupi. Walau bagaimanapun memandangkan kawasan Puchong sedang pesat membangun, KPM akan sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi untuk semua kaum atau golongan masyarakat. KPM akan mengutamakan pembinaan sekolah yang dapat menyatupadukan semua kaum dan masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO

SOALAN NO.

KAWASAN PUCHONG

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada kajian dibuat berkenaan jumlah pungutan wang konsesi lebuhraya di kawasan Puchong untuk 5 tahun yang ialu dan apakah keuntungan mereka. Sama ada Kerajaan ingin menimbang semua (*restructure*) perjanjian-perjanjian tersebut ataupun tidak untuk mengurangkan kadar tol di kawasan Puchong dalam masa terdekat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 lebuhraya yang melalui kawasan Puchong iaitu Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP) dan Lebuhraya Shah Alam (KESAS). Maklumat mengenai jumlah keuntungan/kerugian operasi kedua-dua lebuhraya tersebut untuk tempoh 5 tahun, iaitu dari tahun 2006 hingga 2010 ialah seperti jadual berikut:

LEBUHRAYA	JUMLAH KEUNTUNGAN/KERUGIAN RM (JUTA)					
	2006	2007	2008	2009	2010	JUMLAH
Lebuhraya Damansara-Puchong	62.3	79.1	95.6	114.1	108.5	459.6
Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	(9.0)	(8.8)	3.7	27.9	40.5	55.1

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol LDP sebenarnya telah distrukturkan semula pada tahun 2007 di mana pengguna kenderaan kelas 1 hanya perlu membayar RM1.60 sahaja pada masa kini (2011) berbanding RM2.10 mengikut Perjanjian Konsesi Asal. Manakala kadar tol Lebuhraya KESAS pula telah distrukturkan semula pada tahun 2002 di mana tempoh kekerapan kenaikan kadar tol dikurangkan dari 12 kali kepada 3 kali mulai tahun tersebut. Ini bermakna pengguna kenderaan kelas 1 hanya perlu membayar RM2.20 sahaja pada masa kini (2011) berbanding RM2.80 mengikut Perjanjian Konsesi Asal. Berikutan dari penstrukturan semula kadar tol tersebut, Kerajaan terpaksa membayar pampasan yang tinggi kepada syarikat-

syarikat konsesi tersebut kerana menanggung kenaikan kadar tol berbanding kadar tol yang terdapat dalam perjanjian konsesi asal.

Oleh itu, cadangan untuk menstrukturkan semula kadar tol di lebuh raya - lebuh raya lain yang sedang beroperasi, termasuk di LDP dan KESAS tentunya akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan. Namun demikian, Kementerian Kerja Raya sentiasa berbincang dari masa ke semasa dengan syarikat-syarikat pengendali konsesi lebuh raya bagi mencari jalan dan kaedah terbaik untuk meringankan beban yang ditanggung oleh pengguna lebuh raya di negara ini.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]

SOALAN

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah banjir di kawasan kampung Sri Aman, Kampung Tengah dan Batu 13, Puchong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kawasan Kampung Seri Aman, kejadian banjir adalah berpunca dari sistem saliran dalaman

yang tidak sistematik dan juga limpahan Sungai Air Hitam ketika hujan lebat. Di samping itu, penambahan kuantiti air dari lombong yang terletak di daerah Sepang, di hulu sungai juga menyumbang kepada punca banjir.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengatasi masalah banjir tersebut adalah seperti berikut:

- i. menempatkan Rumah Pam yang terletak di Kampung Seri Aman bagi mengurangkan banjir kilat akibat kegagalan sistem saliran dalaman;
- ii. menjalankan kerja-kerja bagi mendalam dan melebarkan sungai untuk mengurangkan kejadian banjir dan kerja-kerja ini telah siap sepenuhnya pada bulan Disember 2010; dan
- iii. melaksanakan projek menaiktaraf Kolam Buaya di Jalan Jurutera di Kampung Seri Aman dengan kos berjumlah RM770,000.00 pada tahun 2010.

Selain itu, JPS juga dalam perancangan bagi membina *outlet* di Jalan Berkat ke Sungai Klang dan menaiktaraf sistem saliran di dalam kawasan kampung tersebut.

Bagi kawasan Kampung Tengah pula, banjir yang berlaku adalah

disebabkan oleh sistem saliran dalaman yang tidak sempurna. Penyelenggaraan bagi kawasan ini adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.

Manakala bagi kawasan Batu 13 Puchong, kejadian banjir di Kampung Kenangan adalah disebabkan oleh aliran air yang tidak sempurna di saliran utama. Ianya berlaku disebabkan oleh mendapan di bawah jambatan Lebuhraya Damansara Puchong (LDP). Pelaksanaan bagi membuang kelodak telah dilaksanakan pada Jun 2010.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos keseluruhan yang dibiayai untuk Suruhanjaya Diraja Siasat Kematian Teoh Beng Hock.

JAWAPAN: (YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan bagi Suruhanjaya Untuk Menyiasat Kematian Teoh Beng Hock belum dapat ditentukan kerana kerja-kerja Suruhanjaya tersebut masih belum selesai sepenuhnya. Walau bagaimanapun kos yang telah dibelanjakan dan ditanggung sehingga kini adalah berjumlah RM678,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH

RUJUKAN 3849

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Mahmood Bin Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, pada Februari 2010, untuk menerbitkan kad pengenalan untuk pelarian yang diluluskan oleh UNHCR. Adakah ini telah dilakukan dan apakah dasar yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan rancangan ini berjalan dengan lancar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia bukan merupakan *signatory* kepada *1951 Convention relating to the Status of Refugees*, Ini bermaksud bahawa Malaysia tidak mengiktiraf pelarian-pelarian yang berada di Malaysia. Pelarian di Malaysia dianggap sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin dan sekiranya ditangkap oleh pihak Jabatan Imigresen Imigresen, Jabatan Imigresen Malaysia akan merujuk kepada pihak United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) untuk mengesahkan kesahihan kad UNHCR. Isu pelarian bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Apa yang pernah berlaku, pihak UNHCR dan Jabatan Imigresen Malaysia ada merundingkan penggunaan kad pengenalan bagi pelarian yang diiktiraf pihak UNHCR seperti mana I-Kad yang dikeluarkan oleh pihak Imigresen kepada pemegang pas/permit warga asing di Malaysia. Walau bagaimanapun usaha tidak diteruskan kerana penggunaan I-Kad telah dihentikan.

NO. ;
NO. AUIVh: 396 3*10

W. AUR- <

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH

RUJUKAN : 3850

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kos bagi satu kes hukuman mati dari pendakwaan hingga pelaksanaan hukuman dan apakah perinciannya.

Jawapan:

Dimaklumkan Jabatan Penjara dalam menguruskan banduan hukuman mati semasa perbicaraan (pendakwaan), pengurusan harian dan pelaksanaan hukuman mati melibatkan perbelanjaan seperti berikut:

- i. Perbelanjaan semasa pendakwaan iaitu dari segi kos

pengiringan oleh pihak penjara untuk hadir perbicaraan di Mahkamah Rayuan dan Persekutuan. Kos pengiringan untuk seorang banduan menghadiri sehari perbicaraan di mahkamah melibatkan elaun pengiringan, penginapan, elaun makan, bayaran tol dan bahan api di anggarkan berjumlah RM 2,100.

- ii. Jumlah purata perbicaraan bagi setiap kes sehingga selesai keputusan oleh Mahkamah Persekutuan adalah sebanyak 4 kali. Oleh itu kos pengiringan oleh pihak penjara untuk seorang banduan hadir perbicaraan sehingga kes selesai di Mahkamah Persekutuan adalah dianggarkan berjumlah RM 8,400.00.
- iii. Perbelanjaan seterusnya yang ditanggung oleh Jabatan Penjara ialah kos utiliti pengurusan harian banduan yang berjumlah RM 35.00 sehari dan ianya bergantung kepada berapa lama seseorang banduan berada di dalam penjara sebelum hukuman mati dilaksanakan.
- iv. Manakala kos bagi maksud pelaksanaan hukuman mati untuk seorang banduan yang terdiri dari bayaran elaun pegawai tugas khas, elaun perjalanan, elaun makan serta lain-lain bayaran perkhidmatan kira-kira RM 3,300.00.

Jumlah perbelanjaan bagi menguruskan banduan hukuman mati semasa perbicaraan (pendakwaan), pengurusan harian dan pelaksanaan hukuman mati adalah berbeza di antara seorang banduan dengan banduan yang lain

berdasarkan jumlah hari perbicaraan, jarak perjalanan, tempoh penahanan dan tahap kawalan keselamatan yang diperlukan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH :

SOALAN

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab Malaysia mempunyai dasar yang berbeza bagi pelarian dari Palestin dan Bosnia berbanding dengan pelarian dari negara lain seperti Burma

JAWAPAN: Y.B.DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

SOALAN NO : 391

Malaysia pernah memberikan perlindungan sementara kepada 'pelarian' dari Palestin dan Bosnia susulan kepada situasi keselamatan di negara tersebut dan atas dasar perikemanusiaan

serta sebagai negara ahli kepada Pertubuhan Negara Islam (OIC). 'Pelarian' ini telah pulang semula ke negara asal atau berpindah ke negara ketiga untuk menjalani kehidupan baru. Justeru itu, tidak wujud sebarang dasar yang berbeza dan dasar ini juga kini dilaksanakan kepada 'pelarian' lain termasuk Myanmar yang merupakan majoriti terbesar 'pelarian' di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO. AJUM :

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH

RUJUKAN 3852

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes kesalahan daripada penggunaan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya dari tahun 2000 hingga 2010 dan apakah bentuk-bentuk hukumannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, dari tahun 2000 hingga 2010, seramai 218,070 orang telah ditangkap di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952. Pecahan tangkapan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

TANGKAPAN SEK. 15(1)(a) ADB 19S2	
TAHUN	TANGKAPAN
2002	2,300
2003	3,912
2004	10,674-
2005	19,691
2006	21,054
2007	26,763
2008	34,041
2009	42,304
2010	56,725
JUMUVH	218,070

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kesalahan penggunaan dadah, satu peruntukan pindaan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 telah diwartakan pada tahun 2001. Di bawah peruntukan ini, seseorang yang memasukkan dadah yang dijadualkan ke dalam badan, akan dikenakan denda tidak melebihi RM 5,000.00 atau penjara tidak lebih dua tahun dan pengawasan di bawah Sek. 38(b) Akta yang sama selama dua tahun.

NO. SOALAN : 393

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

RUJUKAN 3853

SOALAN:

TUAN GWO-BURNE LOH (Kelana Jaya) meminta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah anggota RELA setakat April 2011 dan berapakah peruntukan kewangan dari Kementerian Dalam Negeri bagi RELA dari tahun 2006 hingga 2010.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini bahawa sehingga 30 April 2011 sejumlah 2,629,117 orang telah mendaftar menjadi ahli RELA.

Manakala peruntukan kewangan daripada Kementerian bagi RELA dari tahun 2006 sehingga tahun 2010 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Peruntukan (RM)
1	2006	8,966,325.00
2	2007	47,101,406.90
3	2008	67,757,042.00
4	2009	59,147,968.97
5	2010	67,071,253.10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]
TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan bagaimana Kementerian menyelesaikan masalah kutipan kumbahan rumah individu terutama di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan ter dapat keadaan di mana tiga buah rumah kongsi berkongsi satu tangki kumbahan atau tangki septik yang sama kerana Indah Water Konsortium Sdn Bhd telah pun memberhentikan perkhidmatan mereka sejak tahun 2008.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dengan berkuatkuasanya Seksyen 62, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], penghuni atau pemilik premis adalah bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan tangki septik komunal (*communal septic tank* - CST) masing- masing.

Oleh itu, penghuni atau pemilik premis yang bersambung ke tangki septik komunal dan memerlukan perkhidmatan pengosongan dinasihatkan bekerjasama sesama sendiri

SOALAN NO. 395

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA BUKAN JAWAB LISAN YB

TUAN HEE LOY SIAN

TARIKH SOALAN (PETALING JAYA SELATAN)

YB Tuan Hee Loy Sian 13 JUN 2011 (ISNIN) [Petaling Jaya

Selatan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah pemohon bantuan kebajikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat di Negeri Selangor dan khasnya di kawasan Petaling Jaya Selatan mengikut kategori masing-masing dan jumlah yang berjaya mendapat bantuan tersebut mengikut tahun 2006, 2007, 2008 dan 2010. **JAWAPAN :**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberikan perkhidmatan bantuan kewangan kepada kumpulan sasaran yang memerlukan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Setiap permohonan yang diterima akan disiasat dan dinilai sebelum sesuatu bantuan dapat dipertimbangkan.

Bagi Negeri Selangor permohonan baru yang diproses dan diluluskan bantuan berdasarkan tahun adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	PERMOHONAN	YANG DILULUSKAN	DITOLAK	PERMOHONAN DIBAWA KE TAHUN BERIKUTNYA
2007	4,060	1,553	1,109	1,398
2008	8,962	3,884	2,350	2,728
2009	18,534	13,085	5,449	0
2010	17,512	9,371	6,820	1,321

Sementara itu, bagi Kawasan Petaling Jaya Selatan permohonan yang telah diproses dan diluluskan bantuan mengikut kategori masing-masing adalah seperti jadual berikut:

Kategori Bantuan	2006	2007	2008	2009	2010
Bantuan Kanak-kanak	141	135	604	1074	592
Bantuan Anak Pelihara	3	3	102	23	8
Bantuan Orang Tua	207	49	475	635	337
Elaun Pekerja Cacat	69	78	258	752	321
Bantuan Am	80	70	563	415	213
Bantuan Pesakit Terlanjar					37
Bantuan OKU Tidak Bekerja					74

SOALAN NO. 396

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA YB TUAN HEE LOY SIAN

(PETALING JAYA SELATAN)

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan bayaran bantuan kebajikan individu memandangkan inflasi dan harga barang kian meningkat terutama mereka yang tinggal di bandar.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap peningkatan kos hidup terutamanya di bandar dan mengkaji kadar skim bantuan dan syarat kelayakan bagi semua jenis bantuan dari semasa ke semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2008, kadar bantuan berikut telah dinaikkan/diperkenalkan iaitu:-

- i) Kadar Skim Bantuan Orang Tua (BOT) telah dinaikkan daripada RM200 kepada RM300 sebulan mulai Januari 2008;
- ii) Kadar Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) telah dinaikkan daripada RM200 kepada RM300 sebulan mulai Januari 2008;
- iii) Skim bantuan baru iaitu Skim Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar dengan kadar RM300 sebulan diwujudkan mulai Januari 2008 bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga OKU dan Pesakit Kronik Terlantar ini;
- iv) Skim bantuan baru iaitu Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dengan kadar RM150 sebulan diwujudkan mulai Januari 2009. Layak kepada OKU yang tidak berupaya

bekerja; dan

- v) Kadar elaun sebanyak RM50 telah dinaikkan kepada RM150 sebulan diberikan kepada pelatih PDK yang hadir ke PDK mulai bulan Februari 2008.

Selain menaikkan kadar bantuan, kriteria kelayakan untuk mendapatkan bantuan juga

telah dinaikkan seperti berikut:

- a) Syarat asas pendapatan keluarga bagi melayakkan pemberian bantuan kewangan telah dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM830 sebulan bagi Sarawak dan RM960 sebulan bagi Sabah dan Labuan mulai bulan Jun 2008; dan
- b) Syarat pendapatan untuk melayakkan OKU yang bekerja menerima bantuan telah dinaikkan daripada RM750 sebulan kepada RM1.200 mulai bulan Jun 2008.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

PERTANYAAN

BERTULIS

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- a) jumlah potongan Skim Rumah Pertamaku yang telah berjaya diuluskan mengikut negeri masing-masing; dan
- b) berapakah projek perumahan yang berharga antara RM10 ribu hingga RM22 ribu yang telah Kerajaan laksanakan di sekitar kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan dalam tempoh 3 tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Mei 2011, sejumlah 993 permohonan telah diterima untuk mendapatkan jaminan di bawah Skim Rumah Pertamaku. Daripada jumlah tersebut, 183 permohonan telah diuluskan, 391 permohonan telah ditolak dan selebihnya masih lagi diproses. Sebahagian besar pinjaman atau 54.6% daripada jumlah jaminan adalah bagi pembelian kediaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

3. Sejak 3 tahun kebelakangan ini didapati tiada rumah berjenis rumah kos rendah sama ada flat mahupun *landed* dibina di kawasan Petaling Jaya. Ini

NO SOALAN

adalah disebabkan kos untuk membina rumah-rumah sedemikian adalah tinggi berikutan nilai tanah yang tinggi. Walaupun begitu, bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merangka strategi dan mengenal pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di bawah kategori Skim Rumah Pertamaku di Lembah Klang bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi. Untuk tujuan ini, SPNB telah mengenal pasti 7 lokasi di Lembah Klang termasuk di Puchong dan Damansara yang berpotensi untuk pembinaan rumah-rumah di bawah kategori harga antara RM100 ribu hingga RM220 ribu.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)
BERTULIS**

PERTANYAAN

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan Cukai Barangan atau Goods & Service Tax (GST) memandangkan rakyat makin hari makin tertekan dengan kenaikan harga barang-barang keperluan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di Malaysia adalah sebagai satu usaha untuk menyusun semula sistem percukaian sedia ada supaya ianya menjadi lebih komprehensif, efisien, telus dan mesra perniagaan. Namun pelaksanaannya tidak akan dibuat secara tergesa-gesa dimana tempoh yang secukupnya akan disediakan kepada semua pihak.

2. Kerajaan akan memastikan bahawa pelaksanaan GST tidak akan membebankan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah. Kajian-kajian mengenai impak pelaksanaan GST juga telah dijalankan. Selain daripada memastikan undang-undang dan peraturan berkaitan GST disediakan secara komprehensif, Kerajaan juga akan terus mengadakan rundingan yang lebih inklusif dengan rakyat supaya semua kepentingan dan kebajikan mereka

diambil kira sebelum GST dilaksanakan.

NO SOALAN

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat penubuhan FELDA dan FELCRA Berhad adalah untuk membasmi kemiskinan melalui pembukaan, penyatuan dan pemuliharaan tanah serta penempatan baru. Kedua-dua agensi ini menjalankan Tanggungjawab Sosial Korporat dengan meningkatkan taraf hidup peserta melalui khidmat nasihat, kemudahan pinjaman tanpa faedah, kemudahan asas dan sebagainya.

Manakala bagi dasar pembangunan ladang-ladang sawit pula, KKLW menerusi FELCRA Berhad melaksanakannya di bawah Konsep Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah yang tertakluk kepada permintaan Kerajaan Negeri dan pemilik tanah individu. FELCRA Berhad juga turut membangunkan ladang-ladang sawit dengan memberikan keutamaan khusus kepada golongan miskin dan miskin tegar. contoh-contoh projek yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad adalah seperti berikut:

a) Projek Agropolitan yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad di Sarawak:

Projek	Luas (Hektar)	Peserta
Agropolitan Batang Sadong, Samarahan	604	211
Agropolitan Batang Lupar, Sri Aman	1,595	300
Agropolitan Pulau Brait,	9,133	1900
Jumlah	11,322	2,411

b) Projek pemulihan dan penyatuan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad di seluruh Sarawak:

Projek	Luas (Hektar)	Peserta
Pemulihan dan Penyatuan Tanah	31,015	8,275

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

SOALAN

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta
MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN**
menyatakan bilakah tempat-tempat pedalaman seperti di Pulau Bruit,
Sebayang, Stalun, Sg. Sian, Selidap, Sare dan lain-lain akan dapat
menikmati sistem perhubungan telefon serta wifi.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Bagi membolehkan masyarakat di kawasan pedalaman menikmati perkhidmatan telefon terutama perkhidmatan telefon selular, Kerajaan kini sedang melaksanakan Program Time 3. Objektif utama program ini adalah untuk memperluaskan liputan perkhidmatan selular dengan tumpuan kepada kawasan pedalaman dan luar bandar di seluruh negara.

Sebanyak 8 menara baru yang terletak di kawasan Parlimen Tanjong Manis akan dibina di bawah program ini. Dengan pembinaan menara-menara ini, masyarakat di kawasan-kawasan seperti Pulau Bruit, Stalun,

Selidap serta kawasan berhampiran dijangka akan dapat menikmati kemudahan telefon selular apabila pelaksanaan Program Time 3 di kawasan tersebut siap menjelang akhir tahun 2012.

Sejumlah 16 pelaksanaan Kampung Tanpa Wayar (KTW) akan dilaksanakan dalam kawasan Parlimen Tanjung Manis antara tahun 2011 hingga 2012. Sehingga Jun 2011, dua KTW iaitu di Kampung Penipah, Bruit dan Kampung Paloh telah siap dan beroperasi, tujuh lagi KTW akan disiapkan menjelang akhir 2011 dan tambahan tujuh lagi akan dilaksanakan pada 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

**DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

- (a) apakah rangka 'Green Township Framework (GTF)' yang akan dilancarkan oleh Kerajaan meliputi; dan
- (b) apakah insentif Kerajaan bagi pengusaha-pengusaha 'Green Township Framework (GTF)'.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,
Kementerian dalam peringkat terakhir untuk mengeluarkan dokumen *Low Carbon Cities Framework & Assessment System* (LCCFAS) yang sebelum ini dikenali sebagai *Green Township Framework*. Tujuan dokumen ini adalah untuk memberi gambaran secara menyeluruh dan pemahaman yang lebih jelas mengenai sektor serta kriteria yang terlibat dalam perbandaran hijau. Ianya akan membantu pihak berkepentingan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak pemaju dalam melaksanakan pembangunan yang mampan dan boleh

digunakan dalam semua saiz penempatan manusia, sama ada bandar-bandar, perbandaran atau kejiranan. Selain itu, LCCFAS akan memberi kesedaran kepada semua pihak mengenai pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada pengeluaran GHG serta menyediakan langkah-langkah yang patut dilaksanakan dan diamalkan untuk mengekalkan gaya hidup yang mampan. LCCFAS menggariskan empat (4) elemen utama dalam kerangka perbandaran hijau serta sistem penarafan yang merangkumi *Urban Environment*, *Urban Transportation*, *Urban Infrastructure* dan *Building*. LCCFAS terbahagi kepada dua (2) komponen iaitu:-

(i) *Framework for Low Carbon Cities and Townships (LCCF)* yang merupakan kerangka kerja yang menyediakan panduan bagi membantu pihak berkepentingan dalam menetap hala tuju ke arah mencapai objektif dan sasaran sesebuah pembangunan perbandaran hijau; dan

(ii) *Assessment System* yang akan menilai kadar pembebasan karbon di sesebuah perbandaran. Data yang diperolehi akan menentukan *baseline* sebagai penanda aras bagi pengurangan karbon dan status semasa (semasa atau selepas) perbandaran tersebut dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

LCCFAS memberi penekanan terhadap pengurusan karbon dalam pembangunan perbandaran hijau khususnya terhadap aspek kitaran hidup (*life cycle assessment*) bagi membolehkan penyesuaian dilakukan ke atas setiap kriteria prestasi (*performance criteria*) yang telah dikenalpasti.

Selain daripada perancangan pembangunan, LCCFAS akan membantu pihak PBT dalam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti lain yang menyumbangkan kepada pengurangan pelepasan GHG dan mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan (*retrofitting*) berpandukan pembangunan di bandar-bandar hijau lain seperti Adelaide, Yokohama, Vancouver, Curitiba dan Freiburg.

Selain itu, aspek kehidupan yang mapan (*livability*) seperti pentadbiran, ekonomi, perkhidmatan, kesamarataan, kepelbagaian, kesejahteraan komuniti dan kualiti hidup juga perlu diambilkira. Dalam hubungan ini, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung (JBPD) kini sedang menyediakan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau untuk pelaksanaan aspek berkenaan dalam perancangan pembangunan.

Pembangunan perbandaran hijau di Malaysia adalah masih baru dan memerlukan promosi serta penguatkuasaan teknologi hijau / kaedah mesra alam yang mapan dalam pembangunan dan operasi sesuatu perbandaran. Penggunaan teknologi hijau juga diyakini dapat membantu mengurangkan kesan terhadap pemanasan global seterusnya perubahan iklim. Untuk mencapai objektif tersebut, ia memerlukan perancangan rapi dan berintegrasi terhadap sistem perkhidmatan dan operasi perbandaran tersebut.

Sebagai langkah awal, pihak KeTTHA bercadang untuk mengadakan projek perintis (*pilot project*) dimana LCCFAS boleh digunakan. Projek perintis ini akan dilaksanakan di pelbagai peringkat kawasan termasuk pembangunan oleh pihak

swasta dan juga PBT.

Memandangkan pembangunan LCCFAS merupakan suatu inisiatif kerajaan yang akan diperkenalkan tidak lama lagi, Kementerian saya akan merangka insentif-insentif yang boleh diberikan kepada pengguna LCCFAS supaya lebih banyak bandar-bandar di negara ini dibangunkan/dimajukan menggunakan konsep perbandaran hijau yang rendah karbon.

Walau bagaimanapun, kini sudah terdapat beberapa insentif fiskal yang disediakan di mana ia secara tidak langsung dapat menyokong komponen-komponen yang terdapat di dalam LCCFAS. Antaranya ialah insentif dalam bentuk elaun cukai pelaburan untuk bangunan hijau, yang merangkumi elemen kecekapan tenaga (*energy efficiency*), mulai Oktober 2009. Insentif-insentif lain termasuklah Taraf Perintis (*Pioneer Status*), Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance*) dan juga pengecualian duti import serta cukai jualan ke atas peralatan cekap tenaga.

Kerajaan juga akan memperkenalkan mekanisma *Feed in Tariff* (FiT) mulai 1 September 2011 yang membenarkan tenaga elektrik yang dihasilkan daripada sumber tenaga boleh diperbaharu (*renewable energy*) seperti *solar photovoltaic* (solar PV) oleh pemilik bangunan dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik pada kadar harga jualan atau tarif premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan.

Bagi bidang bangunan pula, Kerajaan telah menyediakan insentif untuk bangunan hijau iaitu pengecualian cukai bersamaan 100% perbelanjaan modal tambahan yang dilakukan bagi memperoleh sijil *Green Building Index* (GBI) pertama dari 24 Oktober 2009 sehingga 31 Disember 2014. Insentif ini diberikan untuk bangunan

baru dan juga bangunan yang dinaik taraf. Selain itu, pembeli yang membuat pembelian bangunan dan rumah kediaman yang memperoleh sijil GBI akan diberikan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme*) sebanyak RM1.5 bilion yang telah mula dilaksanakan pada Januari 2010. Insentif ini merupakan galakan daripada Kerajaan kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dalam 4 sektor utama iaitu Sektor Tenaga, Sektor Air dan Pengurusan Sisa, Sektor Pengangkutan dan juga Sektor Bangunan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NORAH BINTI ABDUL RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK NORAH BINTI ABDUL RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) Berapakah bilangan rakyat negeri Sarawak yang kini berkhidmat di pangkat Pengarah ke atas bagi semua GLC Kerajaan; dan
- (b) Berapakah jumlah dalam Peratus (%) rakyat negeri Sarawak yang kini berkhidmat di pangkat Pengarah ke

atas bagi semua GLC Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, maklumat yang dikumpulkan oleh Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG) berhubung kakitangan yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) utama tidak dikategorikan berdasarkan kepada tempat kelahiran individu tetapi dikategorikan sama ada berdasarkan gender ataupun kaum/bangsa. Sehubungan itu, Kementerian tidak dapat memberikan maklumat seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat.

2. Walau bagaimanapun, bagi 18 GLC utama yang menyertai Program Transformasi GLC naungan PCG, terdapat empat orang Pengarah yang berasal dari negeri Sarawak. Jumlah ini mewakili kira-kira 2.4% daripada jumlah keseluruhan 164 orang Ahli Lembaga Pengarah kumpulan GLC tersebut. Pengarah-pengarah tersebut adalah seperti berikut:

- i. Tan Sri Leo Moggie (Tenaga Nasional Bhd);
- ii. Datuk Amar Wilson Baya Dandot (Malaysian Airline System Bhd);
- iii. Datuk Hj. Mohamad Morshidi Abdul Ghani (Malaysian Airline System Bhd); dan
- iv. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo (Sime Darby Bhd).

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS
DARIPADA SOALAN Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis]
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengekalkan
stok ikan terubuk sungai-sungai Sarawak daripada pupus atau
terus berhijrah ke tempat lain.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Isu pertanian dan perikanan darat terutama mengenai ikan terubuk sungai adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak. Bahagian Perikanan Darat, Jabatan Pertanian Sarawak telah melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan mengenai ikan Terubuk Sungai, Sarawak ini.

Antara program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak adalah:

- a) kempen kesedaran kepadaorang awam
(*Community Education and Public Awareness - CEPA*);
- b) program pemuliharaan seperti menebarkan bibit-bibit ikan terubuk yang berjaya disenyawakan untuk menetas di dalam sungai asli. Setakat ini, sejumlah 1.6 juta benih telah dilepaskan kembali di dalam sungai Batang Lupar;

program penguatkuasaan tangkapan terhad ikan terubuk di Batang Lassa dan Batang Lupar juga telah dilaksanakan. Menerusi program ini, nelayan-nelayan tidak dibenarkan menangkap ikan terubuk dalam bulan Mei, September dan Oktober setiap tahun untuk memberi peluang ikan- ikan ini bertelur dan menetas menjadi bibit-bibit supaya stok ikan tersebut boleh dipulihara semulajadi. Usaha-usaha ini telah menunjukkan tanda positif apabila tangkapan ikan terubuk didapati meningkat di Batang Lassa dan Mukah. Buat masa ini, Jabatan Pertanian Sarawak dalam peringkat menjalankan tinjauan berkenaan peningkatan tangkapan ikan terubuk sungai;

menjalankan penyelidikan mereka dalam pembiakan ikan terubuk seperti kajian tentang pengurusan induk dan pemakanannya, pembiakan ikan terubuk secara aruhan melalui teknik krioawetan, teknik pembiakan secara aruhan menggunakan hormon, penternakan dengan fasiliti tangki dan konkrit, penyelidikan penandaan bagi menentukan arus berhijrahan dan jumlah ikan yang datang semula ke tempat asal dan mencari jenis gen yang kuat; dan

program transformasi nelayan daripada bergantung kepada tangkapan terubuk kepada aktiviti pertanian lain di Kampung Tebaang, Daro. Kini, sebilangan penduduk telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti penternakan ikan kolam, menanam sayur dan menternak lembu.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah projek yang telah dipohon oleh Pejabat Pelajaran Subis sepanjang tempoh 2008 hingga Mei 2011 yang telah mendapat kelulusan pihak Kementerian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sepanjang tempoh 2008 sehingga Mei 2011, sejumlah 53 projek telah dilaksanakan di Daerah Subis yang menelan kos sebanyak RM291.7 juta. Projek-projek tersebut melibatkan kerja-kerja gantian dan tambahan bangunan di 18 buah sekolah rendah, 3 buah sekolah menengah, 14 buah kelas prasekolah dan projek penyelenggaraan janakuasa di 17 buah sekolah rendah.

tJO' f^A CA-fvj ;

-NQR-AUM- : 4+Tifor

MOr-AUP-I

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	BUKAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	:	TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]
T ARIKH	:	
RUJUKAN	:	3854

Jawapan:

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah banduan di dalam penjara seluruh Malaysia dari tahun 2008 hingga sekarang. Nyatakan berikut pecahan kaum mengikut urutan setiap negeri. Jika terdapat peningkatan pertambahan banduan apakah sebab utama perkara ini berlaku.

Dimaklumkan bagi keperluan pengkategorian dan pemulihan, banduan telah dipindahkan dari sesebuah penjara ke penjara di negeri lain. Oleh itu, jumlah banduan yang menjalani hukuman dan pemulihan yang terdapat di sesebuah penjara di negeri tertentu tidak menggambarkan kadar jenayah di negeri tersebut.

Statistik dari tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan kemasukan banduan sabitan (*convicted prisoner*) terdiri daripada 27.2% Melayu, 5.2% Cina, 5.4% India, 3.8% lain-lain kaum warga Malaysia dan 58.4%) warga asing.

Kemasukan banduan sabitan (*convicted prisoner*) pada tahun 2010 adalah berjumlah 69,894, manakala pada 2009 seramai 79,878 dan pada tahun 2008 seramai 75,572. Berlakunya peningkatan pada tahun 2009 adalah disebabkan pertambahan jumlah banduan warga asing.

Statistik semasa pada 30 Mei 2011 pula menunjukkan hanya terdapat 25,907 banduan sabitan (*convicted prisoner*) yang sedang menjalani hukuman dan pemulihan di seluruh penjara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilakah Balai Bomba di kawasan Niah, Parlimen Sibuti akan dibina kerana peruntukan telah pun diuluskan pada tahun 2006 yang lalu.
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mempunyai tapak di Parlimen Sibuti di kawasan

JAWAPAN

Batu Niah seluas 2.1 ekar, No. Lot 745, Blok 15, Niah Land District. Cadangan pembinaan ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun di dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-9, projek ini telah dibatalkan pelaksanaan disebabkan Siling Peruntukan tidak mencukupi. Kementerian telah mengemukakan semula permohonan pelaksanaan projek ini semasa permohonan *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10 2012-2013) baru-baru ini.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

... "X
<£D Y
SOALAN 0i

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI
BIN BUJANG [SIBUTI]**

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Jumlah perolehan pendapatan yang diperolehi melalui industri pelancongan sejak tahun 2008 hingga sekarang mengikut negeri yang paling banyak menyumbang pendapatan melalui industri pelancongan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Sibuti, Kementerian Pelancongan hanya dapat mengemukakan maklumat mengenai jumlah pendapatan yang diperolehi bagi tahun 2008 hingga 2010 sahaja kerana tiada terdapat

maklumat mengenai jumlah pendapatan pelancongan mengikut negeri. Ini adalah memandangkan tidak terdapat pintu masuk khas bagi setiap negeri.

Kementerian Pelancongan hanya menggunakan data yang diperolehi daripada Kajian Penginapan Hotel yang dijalankan setiap tahun sebagai indikator pengunjung ke setiap negeri bagi menunjukkan bilangan pelancong asing dan tempatan.

Jumlah pendapatan bagi industri pelancongan di Malaysia yang diperolehi bagi tahun **2008** adalah sebanyak **RM49.6 bilion**, bagi tahun **2009** pula sebanyak **RM53.4 bilion** telah diperolehi iaitu peningkatan sebanyak 7.7% berbanding tahun 2008. Pada tahun 2010 pula, sebanyak **RM56.5 bilion** telah dicatatkan iaitu peningkatan sebanyak 5.9% berbanding tahun 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]

TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah kerajaan Malaysia mempunyai bekalan air minum yang mencukupi bagi kegunaan masa hadapan dan adakah setiap negeri di Malaysia mempunyai simpanan sumber air bawah tanah yang mencukupi dan berapa lama sumber ini akan bertahan.

TAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Permintaan bekalan air terawat di seluruh negara dianggarkan akan meningkat daripada 19,876 juta liter sehari pada tahun 2010 kepada 39,849 juta liter sehari pada tahun 2050. *Trend* peningkatan tersebut adalah didorong oleh pertambahan populasi, pertumbuhan ekonomi sama ada dari sektor perindustrian mahupun pertanian dan status semasa *Non-Revenue Water (NRW)*. Dalam tempoh 2010 sehingga 2050, dianggarkan sejumlah RM40 bilion diperlukan bagi melaksanakan projek infrastruktur bekalan air bagi menampung permintaan yang dijangka meningkat. Justeru, Kerajaan telah merancang untuk membina infrastruktur bekalan air secara berperingkat bagi memastikan negara kita mempunyai bekalan air minum yang mencukupi untuk

kegunaan masa hadapan. Ketika ini, sumber air mentah diperolehi daripada air permukaan dan masih mampu menampung permintaan air.

Namun begitu, negara juga mempunyai rizab sumber air bawah tanah yang boleh digunakan sebagai punca air minum. Sumber air bawah tanah boleh bertahan selagi ia diganti semula dari punca imbuan (*recharge area*). Walau bagaimanapun, kadar pengepaman air bawah tanah perlu dikawal supaya tidak melebihi kadar pengepaman selamat agar tidak menjejaskan keupayaan akuifer air bawah tanah. Melalui pemantauan kadar pengepaman air bawah tanah secara berterusan, kuantiti dan kualiti air bawah tanah boleh bertahan untuk kegunaan masa hadapan.

Bekalan air minum merupakan kemudahan asas yang amat diperlukan oleh rakyat. Oleh yang demikian, Kerajaan akan memastikan kuantiti dan kualiti bekalan air adalah mencukupi sejajar dengan peningkatan terhadap permintaan ke atas bekalan air yang meningkat saban tahun.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' ISMAIL BIN KASIM
(ARAU)**

TARIKH :-

SOALAN : 409

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR
BANDAR DAN**

WILAYAH menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar dan

^rterpencil agar mereka turut sama menikmati taraf hiditf^yang lebih baik.

< ^ i \ .fc


Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberikan perhatian untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar dan terpencil supaya mereka turut sama menikmati taraf hidup yang lebih baik. Di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melaksanakan 4 program utama iaitu Program Bantuan Rumah (PBR), Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), dan Program Jalan Luar Bandar (JALB). Untuk melaksanakan program-program tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM11.45 bilion bagi tempoh *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2012).

Program Bantuan Rumah (PBFO)

Di bawah PBR, KKLW menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membina semula/bina baru, membaik pulih rumah dan membaiki kerosakan rumah kerana ditimpa bencana. Program ini bertujuan membolehkan kumpulan sasaran iaitu golongan miskin tegar, mendiami rumah yang lebih selamat dan selesa

dengan kadar segera bagi meningkatkan kualiti hidup mereka.

Sehingga Mei 2011, Kerajaan telah berjaya membina/membaik pulih sebanyak 18,005 unit rumah di bawah NKRA. Bagi tahun 2011 sahaja, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk membina/membaik pulih sebanyak 2,681 unit rumah di Sabah, 3,811 unit di Sarawak dan 2,654 unit lagi di Semenanjung. Dari sasaran tersebut, sehingga Mei 2011, sebanyak 12 unit telah dibina/baik pulih yang memanfaatkan seramai 60 orang isi rumah di Sabah, sebanyak 182 unit lagi yang memanfaatkan 910 isi rumah di Sarawak, manakala sebanyak 885 unit lagi telah siap dibina/baik pulih yang memanfaatkan seramai 4,425 isi rumah di Semenanjung.

Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB[^])

Bekalan air bersih merupakan keperluan asas yang perlu diberikan keutamaan. Memandangkan tahap liputan bekalan air ini masih rendah terutama di kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak, maka KKLW akan mengambil tindakan segera untuk meningkatkan liputan bekalan air sehingga 90% di

Sabah dan Sarawak pada tahun 2012 dan ke tahap 95% pada tahun 2015. Sebanyak RM3.94 bilion adalah diperlukan untuk membekalkan air bersih kepada 259,279 unit rumah bagi tahun 2011 - 2012.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah NKRA sehingga Mei 2011, bekalan air bersih telah disalurkan kepada 42,838 unit rumah. Bagi tahun 2011 sahaja, Kerajaan telah menetapkan sasaran supaya 18,063 unit rumah di Sabah dibekalkan dengan air bersih di bawah BALB, 13,024 unit rumah pula di Sarawak manakala bagi Semenanjung sebanyak 27,000 unit rumah. Dari sasaran tersebut, sehingga Mei 2011, BALB telah dilaksanakan kepada 2,653 unit rumah di Sabah, **Program Bekalan Elektrik (BELB[^])**

BELB dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik ke rumah-rumah di kampung-kampung tradisional di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negara. Program ini juga meliputi rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak,

perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, perkampungan di pulau-pulau serta penempatan di estet-estet kecil berkeluasan kurang 1,000 hektar. Di bawah NKRA, KKLW telah berjaya melaksanakan BELB untuk 29,612 unit rumah sehingga Mei 2011. Bagi tahun 2011 sahaja, sasaran telah ditetapkan supaya sebanyak 4,509 unit rumah di Sabah mendapat bekalan elektrik, 21,792 unit rumah di Sarawak manakala di Semenanjung pula kepada 581 unit rumah. Dari sasaran tersebut, sehingga Mei 2011, sebanyak 57 unit rumah telah mendapat manfaat di bawah

Program Jalan Luar Bandar (JALBI)

Selaras dengan kenyataan dasar untuk memperbaiki dan memperluaskan sistem pengangkutan di luar bandar, KKLW telah melancarkan JALB sejak tahun 1977. Program ini bukan sahaja menyediakan pengangkutan yang amat diperlukan oleh penduduk luar bandar, tetapi juga merupakan sokongan terhadap pembangunan ekonomi, sama ada bagi sektor pertanian, perladangan, perindustrian, perkilangan,

BELB di Sabah, 1,950 unit di Sarawak, manakala sebanyak 339 unit rumah lagi di Semenanjung. pelancongan dan perusahaan perkhidmatan terutama di kawasan mundur dan terpencil. Di bawah NKRA, iaitu sehingga Mei 2011, KKLW telah berjaya membina sepanjang 1149.95 km jalan di luar bandar. Bagi tahun 2011 sahaja, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk membina Jalan Luar Bandar (JALB) sepanjang 905.12km. Sehingga Mei 2011, Kerajaan telah berjaya membina sepanjang 366.85km jalan luar bandar iaitu 192.91km di Semenanjung, 95.50 di Sabah dan 78.44km di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain melaksanakan infrastruktur asas seperti di atas, Kerajaan juga meneruskan pelaksanaan Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) dengan berkonsepkan Agropolitan yang menggunakan pendekatan bersepadu untuk memajukan pembangunan kawasan luar bandar. Pendekatan yang diambil adalah dengan memberikan penekanan kepada **tiga komponen**

utama: pembangunan manusia, ekonomi dan fizikal berasaskan pertanian. Di samping itu KKLW meneruskan aktiviti untuk menjana pendapatan penduduk luar bandar melalui pembukaan tanah baru dengan tanaman getah dan kelapa sawit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT NO. SOALAN : 410**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]

T ARIKH

RUJUKAN 3855

SOALAN:

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI DALAM NEGERI**

menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil bagi menyekat
kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Arau yang
mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius isu
pendatang asing tanpa izin dan telah mengambil tindakan bagi
menangani isu ini. Tindakan-tindakan yang telah diambil ini boleh
dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan
setelah berada dalam negara.

Sebelum masuk ke Malaysia, tindakan-tindakan yang diambil adalah
seperti berikut:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke

negara;

- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala setelah berada dalam negara, tindakan-tindakan yang akan diambil adalah seperti berikut:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-

JAWAPAN:

undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan

- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai 1 Jun 2011 Kerajaan juga telah menguatkuasakan pengambilan biometrik warganegara asing di 63 pintu masuk negara. Pengambilan biometrik ini adalah melalui *National Enforcement and Registration (Biometric) System (NERS)*. Pelaksanaan ini akan dibuat secara berfasa sehingga kesemua 96 pintu masuk negara dilengkapi dengan sistem NERS bagi tujuan menyokong agenda nasional dalam memantapkan pengurusan, pemantauan dan

penguatkuasaan warga asing yang masuk, berada dan berlepas dari Malaysia.

Kerajaan juga akan melaksanakan Program Penyelesaian Menyeluruh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program 6P yang bertujuan untuk mendapatkan data dan rekod mengenai keberadaan serta jumlah sebenar PATI di negara ini. Di bawah program ini, PATI yang berada dalam negara dikehendaki keluar mendaftar dan diambil maklumat biometrik serta diri mereka untuk tujuan rekod dan pemantauan. Menerusi Program 6P ini juga PATI yang berkelayakan akan boleh diregularisasikan menjadi pekerja asing yang sah atau boleh pulang ke negara asal atas kos sendiri tanpa dikenakan tindakan undang-undang. Program ini juga akan melibatkan pelaksanaan operasi penguatkuasaan bersepadu secara besar-besaran, bagi menangkap PATI serta majikan yang dikenal pasti masih melakukan kesalahan imigresen serta mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI

[PASIR MAS]

SOALAN :

Dato¹ Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI

menyatakan apakah pihak Kerajaan sedar Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu terus bertitah tanpa henti menasihati pihak-pihak tertentu supaya jangan ada mana-mana pihak menghina, mempersenda dan

NO. SOALAN : 411

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

memperlekehkan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Oleh itu apakah tindakan Kerajaan bagi menangani titah dan keluhan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu mengenai kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, Bahasa Melayu bahasa Kebangsaan, Kedaulatan Institusi Diraja dan hak keistimewaan orang-orang Melayu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Setiap yang dititahkan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu sentiasa diambil perhatian oleh Kerajaan. Setiap titah berkenaan merupakan peringatan kepada rakyat keseluruhannya supaya menghormati setiap frasa yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Pihak Kerajaan sentiasa mendukung Perlembagaan Persekutuan dalam membuat dasar-dasar Kerajaan. Sehubungan itu, tidak timbul soal Kerajaan membelakangi titah Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja- Raja Melayu malahan Kerajaan telah merealisasikannya melalui dasar- dasar dan program-program yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA YAAN KAWASAN	PER TAN	BERTULIS
		DATO* IBRAHIM BIN ALI
		PASIR MAS
NO. SOALAN		412

SOALAN:

**DATO' IBRAHIM BIN ALI T PASIR MAS 1 minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi mengenal pasti
pendekatan baru untuk pembangunan usahawan Bumiputera
yang mampu bersaing secara berkesan dan apakah Kerajaan
telah mengenal pasti model keusahawanan untuk kaum
Bumiputera.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah RMKe-10 (2011-2015), bagi terus memperkasakan agenda pembangunan Bumiputera, lima inisiatif strategik telah dikenalpasti untuk dilaksanakan seperti berikut:

- **Pertama: meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera melalui penginstitutionan. Dalam konteks ini, Kerajaan telah menubuhkan EKUINAS sebagai institusi pelaburan ekuiti swasta Bumiputera.**
- **Kedua: mempertingkatkan pemilikan hartanah Bumiputera. Pelaburan Hartanah Berhad telah menubuhkan Tabung Pelaburan Amanah Hartanah untuk mengurangkan kekangan kepada Bumiputera untuk melabur dalam sektor hartanah komersial dan industri.**
- **Ketiga: menambahbaik program pembangunan kemahiran dan keusahawanan serfa pembiayaan**

melalui pelbagai agensi pembangunan Bumiputera. Dalam hal ini, pakej secara bersepadu dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing dan daya maju Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), termasuk latihan keusahawanan, bantuan teknikal, pembiayaan, khidmat rundingan serta promosi dan pemasaran.

- Keempat: membangunkan guna tenaga profesional Bumiputera secara lebih lengkap dan menyeluruh.
- Kelima: penubuhan Majlis Tertinggi Agenda Bumiputera (MTAB) yang bertanggungjawab bagi merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan agenda pembangunan Bumiputera. Di bawah inisiatif ini Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

TERAJU telah merencana pendekatan yang dinamakan SME Bumiputera Berperestasi Tinggi (HPBS) yang akan digunapakai dalam pembangunan usahawan Bumiputera. Ini merupakan pendekatan yang disasarkan akan melahirkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan. Pemilihan usahawan Bumiputera dalam program ini adalah berdasarkan merit, mesra pasaran, telus dan kompetitif.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera secara terancang di mana sasaran sumbangan sebanyak 20 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) yang akan dicapai pada tahun 2020.

TERAJU menjalankan program tersebut secara kerjasama dan kolaborasi dengan agensi-agensi yang fokus untuk membangun usahawan Bumiputera antaranya Enterpris Pembangunan Bumiputera (EDO) yang bertanggungjawab terhadap pembangunan enterpris berskala mikro dan SME, Institusi Pembiayaan Pembangunan (DFI) yang bertanggungjawab dalam kemudahan pembiayaan pembangunan SME, EKUINAS yang bertanggungjawab dalam pelaburan ekuiti pembangunan swasta dan MITI yang bertanggungjawab dalam program seperti Program Latihan Keusahawanan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Program Peningkatan Kualiti Produk (*Groom Big*), program Satu Daerah Satu Industri (*SDSI*) dan program khusus yang lain.

Bagi mencapai sinergi yang tinggi, agensi Kerajaan memainkan peranan penting sebagai pemudahcara manakala pihak swasta akan memainkan peranan masing-masing sebagai pemacu serta membuka peluang perniagaan. Pihak NGO, persatuan-persatuan

dan dewan-dewan perniagaan akan juga dilibatkan secara bersepadu supaya program- program ini lebih inklusif dan hasil dapatan program ini akan menjadi lebih komprehensif.

Dalam merealisasikan hasrat di bawah dasar pembangunan Bumiputera ini, Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa makmal untuk mengenalpasti projek-projek dalam sektor tertentu yang dapat dilaksanakan untuk dimanfaatkan oleh usahawan Bumiputera. Walau bagaimanapun perkara ini masih lagi pada peringkat awal.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]
SOALAN NO. 395**

SOALAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah membuat siasatan terperinci mengenai dakwaan penyelewengan yang berlaku di dalam 'ladang rakyat' di Kelantan yang sudah menjadi isu besar, di kalangan rakyat Kelantan.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini masih lagi dalam tindakan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam persoalan yang ditimbulkan ini, SPRM adalah tertakluk kepada Seksyen 29 (4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang menghalang sebarang pendedahan berkaitan sesuatu aduan/siasatan yang sedang dijalankan, didedahkan kepada pengetahuan umum.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

BUKAN LISAN
DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)

DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sejauh mana Akta Persaingan 2010 telah dilaksanakan dan apakah program-program yang telah dilakukan untuk memberi penerangan kepada orang ramai mengenai Akta ini kerana ianya memberi kesan besar sekiranya ada yang melanggar undang-undang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Akta Persaingan 2010 masih belum dilaksanakan kerana ianya hanya berkuatkuasa bermula 1 Januari 2012. Walaubagaimanapun, pihak kementerian telah menjalankan perkara-perkara utama seperti menubuhkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang diterajui oleh Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob selaku Pengerusi, dan dianggotai 9 individu lain daripada pihak industri dan kerajaan. Suruhanjaya ini berfungsi untuk menguatkuasakan dan mengawal aktiviti persaingan di pasaran Malaysia, dan aktiviti di luar negara yang mempunyai kesan terhadap pasaran di Malaysia.

Sejak akta tersebut diuluskan di Parlimen pada Jun 2010, kementerian telah menjalankan 37 program advokasi atau penerangan kepada orang ramai. Program-program ini bertujuan memberikan maklumat dan kesedaran tentang akta ini, implikasi terhadap pemain industri, dan implikasi positif terhadap pengguna. Kumpulan sasaran adalah terdiri daripada dewan-dewan perdagangan, persatuan-persatuan perniagaan, syarikat-syarikat, pegawai-pegawai kerajaan, persatuan-persatuan pengguna dan juga kepada Exco-exco

kerajaan negeri.

Selain daripada ini, kementerian juga telah membuat beberapa temuduga di media cetak dan elektronik untuk menerangkan akta ini dan faedah yang boleh dinikmati oleh kumpulan perniagaan dan juga pengguna.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN PEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA YB. DATO' IBRAHIM BIN
ALI
(PASIR MAS)**

TARIKH

SOALAN : 4-1£

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah kilometer jalan raya yang telah dibina di Negeri Kelantan sehingga Mei 2011 dan berapa banyakkah lagi jalan yang dikenal

pasti yang akan dibina oleh pihak Kementerian termasuk dalam kawasan Parlimen Pasir Mas dalam tahun 2011 dan keseluruhan RMK-10.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Dato', di bawah pelaksanaan NKRA (2010-2012), Kementerian mensasarkan untuk membina jalan sepanjang **84.76km** yang melibatkan 16 projek Jalan Luar Bandar (JALB) di Kelantan. Sehingga Mei 2011, 10 projek JALB sepanjang 43.86km telah disiapkan dan baki sepanjang 40.90km akan disiapkan menjelang tahun 2012. Di bawah Rolling Plan kedua Kementerian telah menyenaraikan sebanyak 2 projek Jalan Luar Bandar di Parlimen Pasir Mas sepanjang 8.0km dengan anggaran kos berjumlah RM17.5 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PERTANYAAN : DEWAN RAKYAT
BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENNA]

SOALAN 416

YB. Dato¹ Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah sebenar kamera AES yang dibeli dan dipasang di jalan raya seluruh negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kedua-dua syarikat yang akan melaksanakan Penguatkuasaan Kesalahan Lalu Lintas Secara Automatik (AES) masing-masing akan membekalkan sebanyak 550 buah kamera tetap (*fixed camera*) dan 125 buah kamera mudah alih (*mobile camera*).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO¹ HAJI MAHFUZ BIN OMAR

TARIKH

NO. SOALAN : 425- ^ .

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah kutipan hasil daripada pengeluaran AP kepada pengimport kenderaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Baiet 2010 pada 23 Oktober 2009 menetapkan bahawa setiap unit AP yang dikeluarkan ke atas syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka dikenakan bawaran sebanyak RM10,000 bermula peruntukan AP Terbuka 2010.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Jun 2011, hasil kutipan pembavaran AP Terbuka adalah sebanyak RM398.21 iuta. Sebahagian hasil kutipan akan disalurkan kepada Dana Automotif Bumiputera yang akan digunakan untuk melaksanakan program-program di bawah Pelan Pembangunan Bumiputera bagi:

- (i) memastikan penvertaan berterusan Bumiputera dalam sektor automotif: dan
- (ii) membantu syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka sedia ada untuk beralih ke sektor-sektor perniagaan yang lain memandangkan sistem AP bagi pengimportan kenderaan terpakai akan dimansuhkan berkuat kuasa 1 Januari 2016.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B.DATO* HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]

SOALAN

Y.B. Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah sumbangan industri petrokimia semasa kepada₂ pendapatan negara dan apakah

peningkatan yang dijangka daripada rancangan projek RAPID terbaru Petronas di Johor.

JAWAPAN:

Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia atau *Refinery and Petrochemicals Integrated Development* (RAPID) terdiri daripada kompleks penapisan minyak mentah, kompleks pengunsuran cecair (*liquid cracker*) dan sebuah kompleks polimer dan petrokimia yang boleh mengeluarkan pelbagai bahan kimia khusus. Kompleks RAPID akan dibangun dengan menggunakan minyak mentah yang akan diimport sebagai bahan mentah untuk projek ini. Minyak mentah ini akan terdiri daripada minyak yang diperolehi dari operasi hulu antarabangsa PETRONAS, seperti Iraq dan Sudan, serta minyak mentah yang dibeli daripada pasaran antarabangsa.

Projek RAPID merupakan usaha PETRONAS untuk mengambil peluang dalam mengembangkan perniagaan komoditi petrokimia dengan mempelopori bidang petrokimia khusus (*speciality chemicals*). Usaha ini akan membolehkan PETRONAS meningkatkan nilai pendapatan syarikat ke tahap yang lebih tinggi.

Sepertimana projek-projek PETRONAS yang lain, termasuk projek petrokimia PETRONAS di Kedah, Gebeng, Kertih, Bintulu, Labuan dan Sabah, projek ini dijangka akan memangkinkan ekonomi negeri yang terlibat serta negara, lebih-lebih lagi dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Projek ini juga akan membuka banyak peluang pekerjaan, terutamanya peluang pekerjaan tenaga mahir, semasa dan setelah kompleks selesai dibina sepenuhnya, yang

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

pameran awam skim keretapi projek ini dianalisa. Kos yang lebih tepat akan didapati selepas jajaran muktamad yang terkandung di dalam dokumen Skim Keretapi diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]**

TARIKH

RUJUKAN **3905**

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan justifikasi tindakan yang telah diambil kepada akhbar Utusan Malaysia setelah ia menyebarkan propaganda yang boleh mencetuskan sensitiviti agama dan kaum di Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Behormat Bachok yang mengemukakan soalan.

NO. SOALAN: 4³

Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar tersebut pada 12 Mei 2011 kerana menyiarkan berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011. Ianya dibuat selaras dengan Seksyen 7 (1), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Pada masa ini PDRM telah selesai menjalankan siasatan berkenaan laporan oleh akhbar tersebut dan hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan selanjutnya.

yo/
NO SOALAN *i&ZT*

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

(BACHOK)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah suri rumah yang telah mencarum dalam Skim Persaraan IMalaysia sejak ia diperkenalkan pada 19 Julai 2010 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Simpanan Persaraan IMalaysia (SP1M) telah dilaksanakan mulai 3 Januari 2010. Objektif SP1M adalah untuk memastikan golongan orang yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap, mempunyai simpanan apabila mencapai umur persaraan. Ia juga untuk menggalakkan golongan ini mencarum secara sukarela mengikut kemampuan di samping menzahirkan keprihatinan Kerajaan kepada golongan orang yang bekerja sendiri melalui pemberian insentif untuk menabung bagi persaraan mereka. Mulai Julai 2010, SP1M telah diperluaskan kepada golongan suri rumah, perkhidmatan, pekerja berpencen dan professional.

2. Setakat 31 Mei 2011, bilangan ahli KWSP yang telah mencarum SP1M adalah seramai 38,873 orang dengan caruman terkumpul berjumlah RM66,224,814.00. Dari jumlah tersebut seramai 5,996 ahli (15.42%) adalah merupakan suri rumah.

Lf'y^

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS
(2011)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA

YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)

NO. SOALAN: 4^3^

SOALAN

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah yang telah diperuntukkan kepada seluruh masjid-masjid di bawah JAWI dari tahun 2008 hingga 2011.

JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan kepada masjid-masjid di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2008	4,800,400
2009	7,236,600
2010	7,795,000
2011	8,067,700
Jumlah	27,899,700

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

BUKAN LISAN
TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]

SOALAN

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah mekanisme yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk mengenal pasti dan memberi bantuan kepada isi rumah yang berpendapatan di bawah RM3000 sebulan bagi menangani masalah mereka.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata pendapatan bulanan isi rumah di Malaysia pada tahun 2009 ialah RM4,025 manakala isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah merupakan 52.7% daripada keseluruhan isi rumah di Malaysia. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) keutamaan diberikan kepada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah yang meliputi golongan isi rumah berpendapatan RM2.300 dan ke bawah.

Pelbagai program yang dilaksanakan bagi golongan ini adalah berdasarkan kepada keperluan. Antara program-program yang dilaksanakan untuk membantu golongan ini termasuklah:

- (i) Program pendidikan dan latihan kemahiran bagi ketua dan ahli isirumah bagi meningkatkan kapasiti dan *employability* bagi tujuan meningkatkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan yang lebih tinggi;

- (ii) Program penjanaaan pendapatan seperti program perniagaan dan keusahawanan turut dilaksanakan. Ini akan memberikan pulangan pendapatan yang lebih tinggi kepada golongan ini disamping memberikan kemudahan pembiayaan kredit mikro daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun).
- (iii) Menyediakan peluang melalui program 1Azam seperti Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar melalui aktiviti berasaskan pertanian, perniagaan dan peluang pekerjaan.
- (iii) Program agropolitan dan perladangan di mana ia merupakan penempatan semula golongan berpendapatan rendah dengan dilengkapi kemudahan asas dan kemudahan awam.
- (iv) Program IAsrama dan peningkatan akses kepada kemudahan pembiayaan termasuk bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) seperti elaun, biasiswa, makanan tambahan, pakaian seragam serta yuran tuisyen dan pengangkutan.

Di samping itu juga Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai program lain seperti bantuan rumah disamping meningkatkan akses kepada kemudahan-kemudahan asas seperti infrastruktur, pengangkutan, utiliti serta ameniti sosial bagi meningkatkan kualiti hidup.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

[MARANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat manakah keberkesanannya usaha-usaha Kementerian dalam melaksanakan cadangan mengadakan kelas tambahan untuk memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan apakah jaminan guru-guru Bahasa Inggeris yang diimport dari negara seperti United Kingdom, yang jumlahnya agak ramai, tidak menghakis jati diri para pelajar yang boleh menyumbang kepada meningkatnya lagi masalah salah laku di kalangan pelajar

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan melaksanakan aktiviti kelas tambahan Bahasa Inggeris untuk memperkukuh penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Satu *task force* di peringkat kementerian telah ditubuhkan untuk merancang, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti tersebut.

Perkhidmatan 375 penutur jati Bahasa Inggeris dari luar negara adalah bertujuan melaksanakan program peningkatan profesionalisme pensyarah dan guru bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut, 360 penutur jati dilantik sebagai mentor kepada guru bahasa Inggeris bagi 1800 buah sekolah rendah. Manakala 15 orang lagi dilatih sebagai *training fellows* di lima (5) buah Institut Pendidikan Guru (IPG). Terma rujukan guru penutur jati disediakan dan dipantau secara berterusan oleh KPM. Antara KPI yang ditetapkan dalam program ini adalah 75 jam sesi input profesional bagi setiap guru, mentoring secara individu serta latihan dan bengkel. Program ini sedang berjalan dan baru lima bulan dilaksanakan, namun pemantauan awal menunjukkan bahawa penglibatan guru dan mentor amat memberangsangkan. Penilaian awal juga menunjukkan penutur jati tidak memberi kesan negatif kepada jati diri pelajar.

SOALAN NO.425

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 15,147 lesen bas sekolah telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2010 di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 2010, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung Malaysia telah menerima sebanyak 1,072 permohonan untuk mendapatkan lesen bas sekolah daripada pengusaha individu dan syarikat. Daripada jumlah tersebut, bilangan lesen yang dipohon adalah berjumlah 1,668 unit lesen, di mana sebanyak 1,388 unit lesen (83%) telah diluluskan kepada pemohon dalam tempoh piagam pelanggan yang ditetapkan iaitu 30 hari bekerja.

Bermula bulan Januari 2011 sehingga Jun 2011, sebanyak 181 permohonan untuk mendapatkan lesen bas sekolah telah diterima daripada pengusaha di seluruh Semenanjung Malaysia.

Walau bagaimanapun, mulai 31 Januari 2011, Suruhanjaya

SOALAN NO.425

Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang mengambil alih fungsi pelesenan kenderaan perdagangan daripada LPKP telah melaksanakan polisi moratorium, iaitu penangguhan sementara pengeluaran keputusan permohonan baru, sehingga selepas 31 Julai 2011.

Walaupun SPAD melaksanakan tempoh moratorium tersebut, SPAD tidak pernah menghalang pemohon-pemohon bas sekolah untuk mengemukakan permohonan mereka untuk dipertimbangkan dan kelulusan permohonan boleh dipertimbangkan sekiranya ada keperluan yang sangat mendesak.

Sekian, terima kasih.

 NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH
RUJUKAN 3856

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Polis Diraja Malaysia (PDRM) enggan memberikan maklumat statistik kes rogol kepada Pertubuhan Pertolongan Wanita baru-baru ini. Apakah statistik kes dalam tempoh lima tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bagan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak PDRM sentiasa memberi kerjasama dan bersedia untuk berkongsi maklumat dengan mana-mana Badan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk Pertubuhan Pertolongan Wanita yang menyatakan tujuan permohonan maklumat mereka dengan jelas.

Statistik kes rogol bagi tempoh 2006 sehingga 2010 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES	KES SELESAI	TANGKAPAN	TUDUH DI MAHKAMAH	DIJATUHI HUKUMAN
2006	2,431	2,104	1,554	369	61
2007	3,098	2,744	2,061	259	154
2008	3,409	3,077	2,261	390	136
2009	3,626	3,338	2,301	310	69
2010	3,595	3,278	2,379	212	11
JUMLAH	16,159	14,541	10,556	1,540	431

i8Zt?6888E0 IP'-11 8003/10/80

NO SOALAN**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARIPADA **Y.B. TUAN LIM GUAN ENG**
(BAGAN)
PERTANYAAN **BERTUUS**

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang cadangan memperkenalkan syiling 1 sen dan adakah ia rasional memandangkan harga barangan asas naik secara mendadak sejak penarikan subsidi gula dan minyak. Adakah cadangan memperkenalkan semula nota RM1,000 akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menguatkuasakan mekanisme penggenapan sejak 1 April 2008. Bermula daripada tarikh tersebut, penggunaan duit syiling 1 sen telah dikurangkan. Strategi ini adalah untuk memudahkan urusan transaksi jual beli antara peniaga dan pembeli.

2. Pelaksanaan mekanisme penggenapan ini tidak menyebabkan sebarang perubahan ke atas tahap inflasi. Mekanisme penggenapan ini hanya melibatkan penggenapan harga pada kadar yang sangat minimum. Sejak perlaksanaannya, mekanisme penggenapan ini telah mendapat sambutan yang sangat positif daripada pelbagai pihak seperti persatuan-persatuan pengguna, peniaga dan orang ramai.

3. Berkaitan dengan cadangan memperkenalkan semula wang kertas RMI.OOG, Kerajaan berpendapat bahawa denominasi yang ada sekarang adalah memadai. Malah, statistik Bank Negara Malaysia menunjukkan penggunaan denominasi wang kertas bernilai tinggi seperti RM100 adalah sangat kecil (5.2% daripada jumlah keseluruhan wang kertas dalam pasaran). Di samping itu, orang ramai boleh menggunakan pelbagai alternatif pembayaran lain seperti perbankan elektronik, kad kredit, kad debit, pemindahan dana, cek dan sebagainya untuk sebarang transaksi pembayaran.

SOALAN NO: 428

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Melaka dan George Town (termasuk kos publisiti dalam dan luar negara) dalam mempromosikan warisan negeri tersebut sejak 2000. Berikan perbandingan pencapaian, usaha dan jumlah pelancong Pulau Pinang dan Melaka sejak pengiktirafan UNESCO sebagai tapak warisan dunia.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Anggaran sebenar tidak dapat disediakan memandangkan program promosi dan publisiti yang dijalankan secara langsung dan tidak langsung oleh beberapa Kementerian seperti Kementerian Pelancongan. Sebagai makluman juga, memandangkan peruntukan yang amat terhad, pihak Kementerian ini tidak mempunyai peruntukan khusus bagi tujuan promosi dan publisiti kedua Bandar Warisan Dunia

SOALAN NO: 428

tersebut. Peruntukan disediakan berdasarkan keperluan yang ditentukan daripada semasa ke semasa.

Antara usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi tujuan promosi dan publisiti di luar negara adalah termasuk menganjurkan pameran; menerbitkan risalah dan brosur; menerbitkan CD; mengadakan program lawatan tetamu luar negara dan lain-lain.

Pengiktirafan sebagai Warisan Dunia telah memberikan impak daripada segi peningkatan kedatangan pelancong. Sebagai perbandingan antara 2006 dan 2010 data daripada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka, Bahagian Perlancongan menunjukkan jumlah kedatangan pelancong ke Bandar Warisan Dunia Melaka yang telah meningkat melebihi 100%. Begitu juga dengan Bandar Warisan Dunia George Town kedatangan pelancong dilihat meningkat sebanyak 100% jika dibandingkan pada tahun 2007 dan 2010 berdasarkan data daripada Penang Global Tourism (State Tourism Bureau).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN (BERTULIS)

DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN NO. 429, M/S. 108 - PR-1242-T44346

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN

SULIT

menyatakan sama ada sedar kemudahan sukan di Pulau Pinang amat daif dan stadium dan kelengkapan sedia ada rosak kerana tidak ada wang peruntukan untuk menyelenggaranya. Apakah jumlah yang telah dibelanjakan (kos latihan, penginapan, ganjaran dan peralatan) terhadap setiap jenis sukan setiap lima tahun dari sekarang!

JAWAPAN

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat kemudahan sukan di bawah kawalan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Sehubungan itu, peruntukan penyelenggaraan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri dan pihak PBT untuk disediakan secara berkala. Manakala kemudahan sukan di bawah kawalan Kementerian Belia dan Sukan hanyalah Kompleks Belia dan Sukan Pulau Pinang serta Pusat Sukan Komuniti Pinang Tunggal.

SULIT

2. Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan peruntukan kepada 44 Sukan Prestasi Tinggi berdasarkan program yang dirancang dan dipersetujui bersama khususnya dalam persediaan ke arah Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Sebanyak RM98.2 juta telah diperuntukan pada tahun 2007, RM53.6 juta pada tahun 2008. Sebanyak RM53.2 juta pada tahun 2009 serta RM56.8 juta pada tahun 2010. Manakala sebanyak RM49.4 juta telah diperuntukan untuk tahun 2011.

3. Jenis-jenis bantuan yang diperuntukan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan adalah merangkumi program latihan atlet, kejurulatihan, penganjuran kejohanan, kepegawaian teknikal, kursus/seminar di dalam dan luar negara serta bantuan pengurusan persatuan.

SOALAN NO : 430

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN**

BERTULIS

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan langkah menghentikan penjualan daging khinzir tidak bermutu yang digunakan dalam penghasilan makanan sejuk beku seperti bebola dan sosej. Berapakah syarikat yang terlibat dalam kegiatan tersebut dan apakah tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap mereka.

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Dalam aktiviti penternakan babi, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menggalakkan para penternak mengamalkan Sistem Amalan Baik Penternakan Haiwan (*Good Animal Husbandary Practices - GAHP*) di ladang-ladang ternakan babi mereka.

Aktiviti penyembelihan pula hanya boleh dijalankan di rumah penyembelihan yang diluluskan oleh JPV atau rumah penyembelihan yang dilesenkan oleh PBT sahaja. Aktiviti ini dikawal melalui Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 di bawah Akta Binatang 1953. Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) hanya dikeluarkan apabila ladang babi menunjukkan bukti bahawa babi miliknya telah disembelih di rumah sembelih yang telah diiktiraf Kerajaan (*legal abattoir*) melalui bukti resit yang dikeluarkan oleh rumah sembelih berkaitan. Semua rumah sembelih yang diiktiraf Kerajaan perlu mempunyai penanda (*roller/stamp/chops*) untuk pengesahan karkas babi.

Hasil siasatan JPV mendapati tiada isu penjualan daging babi yang didakwa tidak bermutu dan digunakan bagi menghasilkan makanan sejuk beku seperti bebola dan sosej. Daging babi yang digunakan untuk tujuan ini daripada rumah sembelih yang diluluskan telah diperiksa oleh JPV adalah selamat untuk dimakan. Semua daging babi dari rumah sembelih perlu mempunyai penanda (*roller/stamp/chops*) untuk pengesahan sebelum dikeluarkan dari rumah sembelih tersebut.

Jika terdapat produk-produk hasilan daging babi yang didakwa tidak bermutu dan dikeluarkan oleh kilang pemprosesan, tindakan boleh diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Akta Kesihatan Awam (Makanan), (Penggai 182) dan Peraturan-Peraturan Kesihatan Awam (Makanan), (P1, Penggal 182).

tv#.

•fio. AUM ">87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH

RUJUKAN 3857

SOALAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimanakah Kementerian akan memastikan bahawa akhbar Utusan Malaysia tidak akan menerbitkan laporan berkaitan isu-isu sensitif dan derhaka berhubung perkauman dan agama yang mungkin menimbulkan perasaan tidak selesa dan salah faham mangsa-mangsa yang tidak bersalah dan juga menjejaskan perpaduan di antara rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Behormat Tawau yang mengemukakan soalan.

Kementerian mendapati artikel yang disiarkan oleh akhbar Utusan Malaysia bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011 telah menggemparkan fikiran orang ramai dan didapati menyalahi peruntukkan seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Oleh itu, Kementerian telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar tersebut pada 12 Mei 2011.

Untuk memastikan perkara ini tidak berulang, pihak Kementerian telah mengadakan dialog dan pertemuan dengan semua Ketua Pengarang akhbar arus perdana.

SOALAN NO. 432

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN

JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)

TARIKH 13 JUN2011 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) bilangan individu yang telah menerima bantuan kebajikan mengikut kategori bantuan dan kumpulan etnik seperti Bumiputera, Cina, India dan natif Bumiputera di setiap bandar di Sabah pada 2008, 2009 dan 2010; dan**
- (b) berapakah kes permohonan bantuan kebajikan yang telah ditolak dan apakah sebab-sebabnya setiap tahun mengikut kumpulan etnik.**

JAWAPAN:

- (a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kebajikan bagi membantu mereka yang miskin dan memerlukan menerusi pelbagai skim bantuan yang disediakan.**

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2008 sebanyak RM11,790,529 telah disalurkan kepada seramai 15,999 orang penerima bantuan di Sabah. Bilangan penerima bantuan telah meningkat kepada 67,499 kes dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM121,467,016 pada tahun 2009 dan 60,305 kes dengan jumlah peruntukan sebanyak RM217,866,437 pada tahun 2010.

Statistik penerima bantuan kebajikan Negeri Sabah mengikut skim dan etnik bagi

tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di Jadual 1, Jadual 2, Jadual 3, dan Jadual 4.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan permohonan bantuan kebajikan di Negeri Sabah yang ditolak pada tahun 2009 adalah sebanyak 7,558 kes manakala pada tahun 2010, hanya 100 kes.

Antara sebab permohonan bantuan ditolak adalah kerana klien:

- 1) memperolehi pendapatan melebihi kadar kelayakan bantuan;
- 2) boleh berdikari dan tidak mempunyai tanggungan yang membebankan;
- 3) mempunyai harta yang mendatangkan hasil; dan
- 4) mempunyai anak-anak yang telah bekerja dan mampu menanggung keperluan keluarga.

Statistik permohonan bantuan kebajikan yang ditolak di Negeri Sabah mengikut etnik bagi tahun 2009 hingga 2010 adalah seperti di Jadual 5.

**JADUAL 1: JUMLAH PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN NEGERI SABAH MENGIKUT ETNIK,
TAHUN 2008 HINGGA 2010**

Etnik	2008		2009		2010	
	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
Melayu	7	51,840	4,264	8,190,663	3,715	15,479,826
Cina	1,143	823,220	6,607	14,488,841	6,018	21,732,029
India	4	8,514	56	138,280	49	143,796
PSm	6	6,521	106	345,646	76	347,304
PSb	14,348	10,778,636	55,079	94,069,500	49,499	175,956,558
PSw	10	18,020	307	967,720	170	913,224
Lain-lain	81	103,778	1,080	3,266,366	778	3,293,700
JUMLAH	15,599	11,790,529	67,499	121,467,016	60,305	217,866,437

Nota

PSM : Peribumi Semenanjung
 PSB : Peribumi Sabah
 PSW : Peribumi Sarawak

SKIM		Melayu	Cina	India	PSm	PSb	PSw	L	Jumlah
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Geran Pelancaran	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Bencana	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Sekolah	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Alat Tiruan	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	RM	7	1,143	4	6	14,348	10	81	15,599
	Bil. Kes	51,840	823,220	8,514	6,521	10,778,636	18,020	103,778	11,790,529

Nota

PSM : Peribumi Semenanjung
PSB : Peribumi Sabah
PSW : Peribumi Sarawak
L : Lain-lain

JADUAL 3: JUMLAH PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN NEGERI SABAH MENGIKUT SKIM DAN ETNIK, TAHUN 2009

SKIM		Melayu	Cina	India	PSm	PSb	PSw	L	Jumlah
Bantuan Kanak-kanak	Bil. Kes	213	155	0	2	5,924	0	28	6,322
	RM	543,558	481,761	0	5,886	10,809,882	0	88,110	11,929,197
Bantuan Anak Pelihara	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Bantuan Orang Tua	Bil. Kes	3,460	4,643	19	100	29,047	264	806	38,339
	RM	6,456,300	9,855,000	62,700	330,000	50,420,700	858,900	2,624,700	70,608,300
Elaun Pekerja Cacat	Bil. Kes	27	25	0	0	404	15	8	489
	RM	87,900	118,800	0	0	927,300	49,500	27,000	1,210,500
Bantuan Am	Bil. Kes	400	1,487	37	4	11,473	28	224	13,653
	RM	754,178	3,519,090	75,580	9,760	26,096,441	59,320	476,156	30,990,525
Bantuan Latihan Apperantis	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/ Oku Terlantar	Bil. Kes	88	148	0	0	1,559	0	14	1,809
	RM	331,100	492,300	0	0	3,257,700	0	50,400	4,111,500

SKIM		Melayu	Cina	India	PSm	PSb	PSw	L	Jumlah
Bantuan OKU Tiriolf 1 luaK Berupaya Bekerja	Bil. Kes	0	0	0	0	4	0	0	4
	RM	0	0	0	0	2,400	0	0	2,400
Geran Pelancaran	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Bencana	Bil. Kes	67	133	0	0	6,581	0	0	6,781
	RM	19,351	12,522	0	0	2,429,097	0	0	2,460,970
Sekolah	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Alat Tiruan	Bil. Kes	9	6	0	0	87	0	0	102
	RM	18,276	9,368	0	0	125,980	0	0	153,624
JUMLAH	Bil. Kes	4,264	6,607	56	106	55,079	307	1,080	67,499
	RM	8,190,663	14,488,841	138,280	345,646	94,069,500	967,720	3,266,366	121,467,016

Nota

PSM : Peribumi Semenanjung
PSB : Peribumi Sabah
PSW : Peribumi Sarawak
L : Lain-lain

JADUAL 4: JUMLAH PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN NEGERI SABAH MENGIKUT SKIM DAN ETNIK, TAHUN 2010

SKIM		Melayu	Cina	India	PSm	PSb	PSw	L	Jumlah
Bantuan Kanak-kanak	Bil. Kes	213	155	0	2	9,110	0	28	9,508
	RM	853,704	610,080	0	7,872	38,573,650	0	110,208	40,155,514
Bantuan Anak Pelihara	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Bantuan Orang Tua	Bil. Kes	2,802	4,070	12	70	18,522	127	504	26,107
	RM	12,381,300	16,938,600	62,100	330,600	96,607,200	797,400	2,609,700	130,176,900
Elaun Pekerja Cacat	Bil. Kes	38	39	0	0	428	15	8	528
	RM	119,400	133,500	0	0	1,380,000	54,000	28,800	1,715,700
Bantuan Am	Bil. Kes	400	1,487	37	4	13,940	28	224	16,120
	RM	883,200	3,283,296	81,696	8,832	27,798,418	61,824	494,592	32,611,858
Bantuan Latihan Apperantis	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/ OKU Terlantar	Bil. Kes	220	195	0	0	3,252	0	14	3,681
	RM	730,800	687,900	0	0	9,542,100	0	50,400	11,011,200

SKIM		Melayu	Cina	India	PSm	PSb	PSw	L	Jumlah
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	Bil. Kes	0	0	0	0	28	0	0	28
	RM	0	0	0	0	21,750	0	0	21,750
Geran Pelancaran	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Bencana	Bil. Kes	36	40	0	0	4,007	0	0	4,083
	RM	59,064	68,045	0	0	1,768,682	0	0	1,895,791
Sekolah	Bil. Kes	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM	0	0	0	0	0	0	0	0
Alat Tiruan	Bil. Kes	6	32	0	0	212	0	0	250
	RM	2,358	10,608	0	0	264,758	0	0	277,724
JUMLAH	Bil. Kes	3,715	6,018	49	76	49,499	170	778	60,305
	RM	15,479,826	21,732,029	143,796	347,304	175,659,558	913,224	3,293,700	217,866,700

Nota

- PSM** : Peribumi Semenanjung
PSB : Peribumi Sabah
PSW : Peribumi Sarawak
L : Lain-lain

**JADUAL 5: JUMLAH PERMOHONAN BANTUAN KEBAJIKAN YANG DITOLAK DI
NEGERI Sabah MENGIKUT ETNIK,
TAHUN 2009 HINGGA 2010**

Etnik	2009	2010
Melayu	1,100	24
Cina	2,214	13
India	0	0
PSM	0	0
PSB	4,217	54
PSW	0	0
Lain-lain	27	9
JUMLAH	7,558	100

Nota

PSM : Peribumi Semenanjung

PSB : Peribumi Sabah

PSW : Peribumi Sarawak

JAWAPAN BAGI SOALAN JAWAB BUKAN LISAN

PERTANYAAN : N Datuk Chua Soon Bui

DARIPADA [Tawau]

**SOALAN NO.12 :
DEWAN
RAKYAT**

**YB Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:**

JA

**(a) apakah langkah - langkah bilateral
Malaysia - China yang akan diambil untuk
menangani masalah penambahan aktiviti
pengedaran dadah terutama sekali e China
oleh orang - orang muda dan wanita yang
diperamatkan sindiket - sindiket dadah pada
tahun - tahun kebelakangan ini.**

W

A

B

B

U

**(b) adakah pegawai-pegawai imigresen
atau kastam dilengkapi dengan alat
pengesan, atau dipertimbangkan untuk
penggunaan anjing pengesan, dan adakah
mereka telah cuai dalam menjalankan tugas
mereka untuk mengesan dadah yang dibawa
keluar dari Malaysia, tetapi dadah itu dapat
dikesan apabila memasuki China pula.**

K

A

N

LI

S

(INPUT DARI KDN)

A

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Y.B. Tawau di atas persoalan yang dikemukakan.

2. Kerajaan Malaysia memandang serius akan peningkatan dalam kes-kes pengedaran dadah yang melibatkan rakyat Malaysia di luar negara yang kebanyakannya melibatkan golongan muda dan wanita tempatan yang diperalatkan oleh sindiket-sindiket penyeludupan dadah sebagai 'keldai dadah', khususnya ke negara China.

3. Menyedari akan implikasi dan kesan daripada peningkatan kes keldai dadah ini kepada sumber modal insan, keselamatan dan imej negara, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri dan pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara, khususnya di China telah mengambil beberapa inisiatif sebagai usaha untuk membendung dan mengurangkan kes-kes pengedaran serta penyeludupan dadah oleh rakyat Malaysia yang menjadi keldai dadah ke China dengan mengadakan perbincangan secara berkala dan kerap dengan wakil Kerajaan China yang berkenaan di peringkat pentadbiran pusat dan wilayah bagi mempertingkatkan lagi kerjasama melalui pemantauan, pertukaran maklumat dan penguatkuasaan yang lebih teliti serta bersepadu bagi membendung semua aktiviti kegiatan jenayah rentas sempadan terutama sekali pengedaran dan penyeludupan dadah ke China oleh rakyat Malaysia yang menjadi keldai dadah sama ada kerana diperdaya oleh sindiket-sindiket ini ataupun secara sukarela.

4. Pada masa ini, terdapat beberapa mekanisme dua hala (*bilateral*) yang sedia wujud antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China bagi menangani masalah ini antaranya seperti Mesyuarat Konsultasi antara Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Kementerian Luar Negeri China,

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Konsultasi Konsular antara Malaysia dan China selain mesyuarat-mesyuarat yang dipengerusikan oleh agensi-agensi keselamatan antara kedua-dua negara. Dalam masa yang sama, kedua-dua negara juga telah bersetuju untuk mewujudkan kerjasama secara formal dalam membendung dan membanteras kegiatan dan aktiviti jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan dan pemerdagangan orang, keganasan, perjudian, *money-laundering*, pelacuran dan termasuklah penyeludupan dan pengedaran najis dadah. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri kini sedang giat merundingkan draf Perjanjian Kerjasama antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China Bagi Membanteras Kegiatan Jenayah Rentas Sempadan dengan Kementerian Keselamatan Awam China supaya ianya dapat dimuktamadkan dalam masa terdekat.

5. Selain itu, Kerajaan juga mengedarkan risalah-risalah kecil mengenai kesalahan dadah di pintu-pintu keluar lapangan terbang antarabangsa negara, memuat-naik nasihat perjalanan berkaitan hukuman dan kesalahan menyeludup dan mengedar dadah di laman sesawang Kementerian Luar Negeri, berkerjasama dengan media massa tempatan untuk menerbitkan artikel-artikel mengenai masalah ini bertujuan untuk memberikan nasihat dan kesedaran kepada rakyat Malaysia, khususnya golongan muda dan wanita akan wujudnya

Jawapan:

Yang Berhormat,

(a) Pihak Kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

SOALAN NO: 440

Malaysia (SKMM) tidak menerima sebarang laporan kes kecurian atau kehilangan dalam transit di Sabah bagi tempoh 2 tahun yang lalu iaitu bagi tahun 2009 dan tahun 2010. Kementerian tidak mempunyai data kes seumpama itu bagi tahun sebelum 2009. Ketika ini terdapat 6 pembekal perkhidmatan kurier berlesen yang menjalankan operasi di Sabah termasuk perkhidmatan kurier PosLaju.

- (b) Bagi item kurier yang hilang, pembekal perkhidmatan kurier dikehendaki membayar balik sejumlah pampasan ke atas kehilangan barangan tersebut tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pembekal perkhidmatan kurier berkenaan. Beberapa pembekal perkhidmatan kurier utama negara juga menawarkan perkhidmatan insurans sebagai perkhidmatan tambah nilai kepada pelanggan khususnya bagi menjamin keselamatan penghantaran item bernilai tinggi. Selain itu, sekiranya syarikat kurier didapati melakukan kesalahan yang berulang, pihak SKMM boleh mengambil tindakan tegas dengan tidak mempertimbangkan pembaharuan lesen kurier mereka.

WO • £oA,UVfV ; Lj. 1 -NOrMMr VAt

-NQT-AUP ;

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH

RUJUKAN 3858

SOALAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) **apakah sebab-sebabnya untuk penyekatan kemasukan Datuk Ambiga Sreenevasan (dari Pilihan Raya Bersih dan Adil), Encik Wong Chin Huat (Juruanalisis Politik), Encik Harris Ibrahim (MCLM), YB. Sivarasa Rasiah (Ahli Parlimen Subang) ke Sarawak semasa pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak pada bulan April baru-baru ini; dan**

(b) **adakah tindakan tersebut melanggar Perlembagaan Persekutuan, terutama sekali demi pilihan raya yang adil dan saksama.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Tawau yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Imigresen 1959/63 mempunyai peruntukan-peruntukan khas iaitu Bahagian VII bagi Negeri Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Seksyen 65 Akta Imigresen 1959/63 telah memperuntukkan kuasa-kuasa am kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi arahan kepada Pengarah Imigresen Negeri berkenaan bagi mengawal pergerakan seseorang individu untuk masuk dan berada di sesebuah Negeri Malaysia Timur. Dengan demikian adalah lebih sesuai Ahli Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan ini kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 9(3) Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa khas kepada Sabah dan Sarawak sebagai negeri yang mempunyai kedudukan istimewa di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menggubal sebarang undang-undang mengenai kebebasan rakyat untuk keluar masuk di antara negeri-negeri itu dan juga kebebasan untuk bermastautin di Sabah dan Sarawak.

Walaupun Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada warganegara untuk bergerak bebas di seluruh Malaysia dan tinggal di mana-mana bahagian, namun ia adalah tertakluk kepada klausa 3 Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan ini adalah berdasarkan kepada subseksyen 60(2) Akta Malaysia 1963 dan juga perjanjian yang telah dipersetujui ketika Sabah dan Sarawak bersetuju untuk menyertai Malaysia.

Isu pertikaian mengenai percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan tidak timbul kerana Sabah dan Sarawak telahpun diberikan kuasa istimewa berkenaan dengan pergerakan dan kemastautinan di mana mereka berhak untuk mengawal kemasukan mana-mana orang ke negeri-negeri mereka dari Semenanjung Malaysia. Oleh itu, pelaksanaan Seksyen 65 Akta Imigresen 1959/63 yang telah digubal oleh Parlimen adalah sah dan berperlembagaan.

110 • So A (~4rf0 •
~~NO. AUM~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]

TARIKH

RUJUKAN 3859

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota RELA terkini. Mengapakah negara ini memerlukan begitu banyak anggota RELA sedangkan jumlah anggota Poll's Diraja Malaysia semakin berkembang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini bahawa sehingga 31 Mei 2011 sejumlah 2,637,655 orang telah mendaftar menjadi ahli RELA. Sebenarnya hasrat kerajaan adalah untuk menggalakkan seramai mungkin rakyat menyertai RELA sebagai memupuk budaya kesukarelawan dalam membantu meningkatkan keamanan dan kesejahteraan masyarakat pada hari ini. Penambahan Ahli RELA ini dilakukan melalui kaedah dan pendekatan RELA sedia ada seperti Program Satu Platun, Satu Kampung dan Satu Taman yang berlandaskan hasrat kerajaan dengan “ Mewujudkan Geiombang Kesukarelawan” yang mesra masyarakat.

Kerajaan juga berhasrat untuk melihat penyertaan dari kepelbagaian kaum bagi meningkatkan semangat Perpaduan Nasional selain penyertaan seramai mungkin golongan muda menyertai RELA. Walau bagaimanapun, anggota RELA juga banyak menyumbang dalam membantu PDRM dalam membanteras jenayah melalui penubuhan Pasukan Sukarelawan Simpanan Polis (PVR) di negeri-negeri *Hotspot* iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

No. A.M.: 445"

NO. AUP !

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]
TARIKH
RUJUKAN 3860

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kajian pindaan terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Adakah kementerian mendapat pandangan daripada pemilik akhbar dan majalah sebelum merangka pindaan akta ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah

yang mengemukakan soalan.

Kementerian Dalam Negeri masih lagi di peringkat awal perbincangan untuk mengkaji semula keberkesanan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Usaha ini adalah penting dan bertepatan dengan masa dan keadaan supaya Akta ini terus mantap dan kekal relevan demi memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam.

NO SOALAN: 438

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS

DARIPADA Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan mengenai kilang padi milik Bumiputera semakin mengecil dan dijangka akan pupus dalam kawasan Muda. Berikan sebab-sebabnya serta apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menyelamatkan kilang-kilang ini.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah obligasi sosialnya, BERNAS telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan Skim Kilang-kilang Bumiputera. Bagi kawasan MADA, didapati jumlah kilang Bumiputera telah berkurangan daripada 51 buah kilang pada tahun 1970-an kepada 24 buah kilang pada tahun 2011. Penutupan 27 buah kilang tersebut adalah kerana masalah pengurusan dan kewangan yang dihadapi kilang terbabit. Kementerian sedang mengkaji bentuk bantuan dan sokongan kepada pengilang Bumiputera di samping memastikan BERNAS akan terus membantu dan menyokong kilang-kilang Bumiputera sedia ada dengan memberi bantuan modal membeli padi melalui program-program yang sedia ada.

Antara langkah yang dirasakan sesuai untuk dijadikan asas bagi menyelamatkan kilang-kilang Bumiputera dari terus terpinggir dan akhirnya pupus daripada industri padi dan beras iaitu:

- i) melibatkan penyertaan kilang-kilang Bumiputera dalam setiap program pembangunan industri padi dan beras oleh agensi-agensi Kerajaan serta BERNAS;
- ii) kilang-kilang Bumiputera diuruskan secara pengurusan berpusat;
- iii) menetapkan obligasi sosial BERNAS untuk membantu kilang-kilang Bumiputera sebagai *Key Performance Indicator (KPI)* dalam perjanjian perlanjutan konsesi penswastan BERNAS yang baru; dan
- iv) mensyaratkan supaya BERNAS memasarkan lebihan padi yang dibeli dengan memberi keutamaan kepada pengilang Bumiputera sebagai obligasi sosialnya.

No. SOALAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN

LISAN

DARIPADA Y.B.TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH)

SOALAN Y.B.TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM minta PERDANA

MENTERI menyatakan mengenai methodologi pengiraan Indek Ketegangan Masyarakat yang dibangunkan oleh JPNIN dan berapakah pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus indek ini.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Menggubal satu indeks yang sesuai untuk mengukur dan mencerminkan tahap perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini, mahupun untuk mana-mana negara, sememangnya merupakan satu cabaran yang besar kepada

(/3<^

kerajaan. Ini adalah kerana ia melibatkan banyak aspek, seperti perasaan, persepsi dan sensitiviti manusia yang dibentuk dan dipengaruhi oleh latar belakang, sejarah, sosio-budaya, pemikiran serta anutan agama sesuatu kaum itu. Keadaan ini akan berubah-ubah mengikut persekitaran serta dipengaruhi oleh kenyataan pemimpin atau kelakuan golongan-golongan tertentu dari semasa ke semasa.

Walau demikian cabarannya, Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) tetap berusaha untuk menggubal dan memulakan proses mewujudkan satu indeks yang dikenali sebagai Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau "*Societal Stress Index (SSI)*". Ini telah dimulakan pada tahun 2007. Formula atau perkiraan IKM adalah berasaskan jumlah bilangan kes keganasan, rusuhan, demonstrasi dan prates secara berkumpulan yang direkodkan melalui data-

data yang diperolehi dari Polis Diraja Malaysia(PDRM). Data-data yang dikumpulkan setiap tahun ini menjadi asas dalam menentukan pemberat (*weightage*) 0.5 yang dicampur (+) dengan jumlah pergaduhan dan serangan antara kaum yang diberi pemberat (*weightage*) 0.3, dicampur (+) dengan bilangan isu yang diutara, dibahas dan dilaporkan dalam media massa yang diberi pemberat (*weightage*) 0.2. Jumlah kes ini kemudiannya dibahagi (/) dengan jumlah sejuta penduduk yang akhirnya akan menghasilkan indeks bilangan kes persejuta penduduk.

Oleh itu, IKM ini adalah untuk mengukur semua jenis ketegangan masyarakat, tidak hanya terhad kepada pergaduhan antara kaum semata-mata tetapi meliputi setiap kes yang dikategorikan mengikut tiga (3) kumpulan dengan tujuh (7) petunjuk (*indicator*) seperti:

- (a) **Keganasan Sosial (*Social Violence*)** yang merangkumi keganasan (*Violence*) dan rusuhan (*riot*).
- (b) **Keingkaran Sosial (*Social Disobedience*)** yang merangkumi demonstrasi, protes, serangan (*attack*) dan pergaduhan antara kaum (*inter-racial quarrel*).
- (c) **Pertelingkahan (*Dispute*)** yang merangkumi isu-isu semasa yang dilaporkan samada melalui media massa atau pun laporan oleh pegawai-pegawai JPNIN di seluruh negara.

Analisis data yang menggunakan formula ini telah dilaksanakan buat pertama kalinya pada tahun 2008 yang menghasilkan IKM sebanyak 28 kes per sejuta penduduk. Pada tahun 2009, IKM ialah 21.6 kes per sejuta penduduk dan pada tahun 2010 22.5 kes per sejuta penduduk.

IKM menunjukkan bahawa pada tahun 2008 dan 2010 berlaku peningkatan kes berbanding tahun 2009, disebabkan oleh pilihanraya umum ke 12 pada tahun 2008 dan banyak berlaku pilihanraya kecil dalam tahun 2010 yang menyebabkan banyak prates dan pertikaian mengenai isu-isu, menyebabkan suasana sosial menjadi lebih tegang. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan biasa dan tenang, secara keseluruhannya, tahap keharmonian masyarakat di negara ini adalah satbil dan terkawal.

Memantau, mengumpul dan menganalisa data-data berhubung dengan IKM ini diurus dan diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Perpaduan, ibu pejabat JPNIN melalui sistem yang dikenali sebagai “e-sepakat”. Maklumat diperolehi secara harian melalui media cetak, internet, blog dan isu-isu atau kes-kes yang dilaporkan oleh pegawai-pegawai JPNIN di seluruh negara. Setakat ini, sistem IKM yang digunakan telah banyak membantu JPNIN di dalam mengukur tahap keharmonian masyarakat. Sisitem ini akan diperkemaskann dan ditambahbaik dari semasa ke semasa dan akan dijadikan panduan bagi menangani masalah perhubungan kaum yang dilaporkan.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

SOALAN :

**DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta PERDANA
MENTERI menyatakan mengapakah tidak ada Laporan Rasuah
dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2009 Suruhanjaya Pencegah**

SOALAN N0:441
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Rasuah Malaysia mengenai penyelewengan perbelanjaan seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara seperti tahun-tahun sebelumnya.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Tahunan 2009 Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) disediakan dengan memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh SPRM termasuklah operasi, pencegahan, hubungan antarabangsa, pengurusan dan pentadbiran.

Laporan Tahunan 2009 Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia adalah tidak spesifik kepada sesuatu sektor termasuklah Laporan Ketua Audit

NO SOALAN : 441
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Negara. Namun dalam laporan berkenaan, isu yang berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara ada juga disentuh dalam Aktiviti Pencegahan iaitu berkaitan pembaziran perbelanjaan dana awam iaitu perolehan peralatan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). SPRM telah memeriksa sistem dan prosedur pembelian peralatan berkenaan dan telah memberikan khidmat nasihat bertujuan memperbaiki sistem dan prosedur berkenaan. Lanjutan daripada itu Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) telah menyemak semula Dasar Pembelian /Perolehan awal terhadap barangan dengan mengambil kira piawaian National Occupational Skills Standard (NOSS)

Sekian, terima kasih.
PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

SOALAN :

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar dari Sabah dan Sarawak yang menerima biasiswa JPA, MARA dan Petronas bagi tahun 2005 hingga 2010 untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

NO SOALAN : 441

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelajar dari Sabah dan Sarawak yang menerima biasiswa JPA di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) bagi tahun 2008- 2010 adalah seperti berikut:

NEGERI	2008	2009	2010
Sarawak	189	273	226
Sabah	66	105	109
JUMLAH	255	378	335

Sekian, terima kasih.
PERTANYAAN : BUKAN LISAN

SOALAN NO:442
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : **DATO' JOHARI BIN ABDUL**
 [SUNGAI PETANI]

SOALAN :

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **PERDANA**
MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan mengarahkan **SPRM**
memulakan siasatan pembelian kapal selam Scorpene yang melibatkan
rasuah jutaan ringgit seperti yang didedahkan oleh pihak berkuasa
Perancis pada awal tahun 2011.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini masih lagi dalam tindakan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam persoalan yang ditimbulkan ini, SPRM adalah tertakluk kepada Seksyen 29 (4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang menghalang sebarang pendedahan berkaitan sesuatu aduan/siasatan yang sedang dijalankan, didedahkan kepada pengetahuan umum.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 443

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

RUJUKAN 3861

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah siasatan terhadap akhbar Suara Keadilan telah selesai dan jika ya, bilakah permit penerbitan akhbar ini akan dihidupkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, laporan berhubung akhbar Suara Keadilan ini masih lagi dalam siasatan pihak polis. Sehubungan dengan itu, sama ada permit penerbitan akhbar tersebut akan dihidupkan semula atau tidak, pertimbangan sewajarnya akan dibuat setelah siasatan selesai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATO* JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

NO. SOALAN : 444

TARIKH

RUJUKAN 3862

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan ke atas video sek Chua Soi Lek, Presiden MCA. Sudahkan hasil siasatan dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kertas siasatan masih dalam penyiasatan pihak PDRM kerana setelah siasatan awal selesai dijalankan dan dirujuk kepada pihak Peguam Negara, pihak Peguam Negara mengarahkan supaya siasatan lanjut dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang secukupnya dan ianya akan dirujuk semula kepada Pejabat Peguam Negara.

SOALAN NO.445

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA YB PUAN SITI ZAILAH BIN MOHD. YUSOFF

(RANTAU PANJANG)

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menangani isu keruntuhan institusi keluarga dan kadar perceraian yang semakin tinggi di seluruh negara.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap isu keruntuhan institusi keluarga dan bilangan perceraian yang semakin meningkat setiap tahun.

Justeru bagi mengarusperdanakan agenda pengukuhan institusi keluarga, Dasar Keluarga Negara (DKN) yang diluluskan oleh Kerajaan pada bulan Disember 2010 menjadi garis panduan kepada semua pihak bagi memberi penekanan kepada kepentingan mengutamakan kesejahteraan keluarga dari pelbagai aspek, khususnya bio-fizikal, ekonomi, sosio-psikologikal, kerohanian serta persekitaran yang sihat

dan selamat. Sehubungan ini, siri taklimat DKN sedang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) kepada Agensi-agensi Kerajaan, Kerajaan-kerajaan Negeri, sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Selain itu, Kementerian ini melalui LPPKN juga telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi keluarga dan mengurangkan kadar perceraian melalui pelaksanaan program pendidikan dan peningkatan kemahiran perkahwinan dan kekeluargaan seperti berikut:

- i) Menganjurkan 363 Program Praperkahwinan SMARTSTART kepada 6,260 pasangan yang akan dan baru berkahwin (kurang 5 tahun) telah dilaksanakan sejak 2007 sehingga April 2011. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO

dan Badan-Badan Agama. Perbincangan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dan Pahang telah juga diadakan untuk mengintegrasikan modul SMARTSTART dalam siri kursus pra perkahwinan bagi pasangan Islam;

- ii) Menganjurkan 373 Program Keibubapaan (*Parenting@Work*) di tempat kerja untuk 16,218 orang pekerja sektor awam dan swasta sejak tahun 2007 sehingga April 2011 bagi membantu mengimbangi tuntutan keluarga dan kerjaya serta menguruskan konflik keluarga. Program ini akan ditambah nilai untuk meliputi pasangan yang telah bercerai, ibu bapa yang tinggal di tempat yang berisiko tinggi dan keluarga lain yang tersisih daripada arus pembangunan; dan
- iii) Menganjurkan 4,947 Kursus Bersiri Pembangunan Keluarga 'Ilmu Keluarga@LPPKN' kepada 522,314 orang awam dari tahun 2006 sehingga bulan April 2011 bagi meningkatkan kesedaran untuk mengutamakan keluarga dan memelihara kesejahteraan keluarga turut diadakan melalui Pusat Keluarga LPPKN di seluruh negara. Kursus ini memfokuskan kepada lima modul iaitu:
 - i. keibubapaan anak kecil;
 - ii. keibubapaan anak remaja;

- iii. kebapaan;
- iv. persediaan perkahwinan dan pementapan keluarga; dan
- v. pembangunan remaja.

Selain itu, KPWKM menerusi 3 agensi utama di bawahnya iaitu LPPKN, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 109 orang kaunselor yang ditempatkan di setiap negeri dan beberapa institusi bagi membantu individu yang memerlukan perkhidmatan kaunseling seperti pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga. Bilangan ini telah ditambah dengan pelantikan 52 orang kaunselor berdaftar untuk memberi khidmat secara "*sessional*" di 34 Pusat Keluarga LPPKN.

SOALAN NO. 446

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA **PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF**
SOALAN **[RANTAU PANJANG]**

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat terperinci tentang projek yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan dalam Parlimen Rantau Panjang pada tahun 2010 dan 2011.

JAWAPAN

Bagi tahun 2010, JPPK telah melaksanakan sebanyak 79 projek yang bernilai RM369.740.00. Manakala, bagi tahun 2011 (sehingga 13 Jun 2011) ialah sebanyak 63 projek bernilai RM881.150.00. Projek-projek tersebut dilaksanakan dibawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen, Peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Peruntukan Kementerian Kewangan bagi Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam dan Asas.

Butiran program/projek yang diluluskan di kawasan Parlimen Rantau Panjang adalah seperti berikut:

BI L	PROGRAM/PROJEK	2010		2011 (SEHINGGA 13JUN 2011)	
		BI L	KOS (RM)	BI L	KOS (RM)
1	PEMBEKALAN PERALATAN/BARANGAN	15	64,250.00	6	31,000.00
2	PROGRAM SOSIAL/AKTIVITI	52	181,600.00	37	239,500.00
3	SUMBANGAN KEWANGAN	4	17,990.00	6	13,000.00
4	JALAN/LONGKANG	1	15,400.00	8	410,550.00
5	KURSUS	6	20,500.00	1	11,100.00
6	MASJID/SURAU/MADRASAH			5	176,000.00
7	PEMBINAAN HENTIAN BAS	1	70,000.00		
		79	369,740.00	63	881,150.00

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]

SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk menangani permasalahan banjir yang melibatkan sekolah-sekolah di Parlimen Rantau Panjang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) melaksanakan beberapa projek bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Rantau Panjang. Sehubungan dengan itu, pihak JPS akan meneruskan kerja-kerja penstabilan tebing Sungai Golok di bawah *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan peruntukan sebanyak RM 20 juta. Kerja-kerja menstabil Sg. Golok ini melibatkan kawasan - kawasan seperti berikut:

- i. KgLalang Pepuyu Tanah Merah;
- ii. KgNibong Tanah Merah;
- iii. KgLubuk Stol Fasa 2 Pasir Mas;
- iv. Kg Pengkalan Bemban Pasir Mas; dan
- v. KgSimpangan - Kg Tualang Tumpat.

Untuk langkah jangka panjang, rekabentuk terperinci telah siap dilaksanakan pada 31 Ogos 2010. Cadangan projek ini telah dikemukakan untuk pertimbangan di bawah *Rolling Plan* Kedua RMKe-10. Pelaksanaan projek ini dapat menangani dan mengurangkan permasalahan banjir yang turut menjejaskan dan melibatkan sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Rantau Panjang.

Sekian, terima kasih.

NO
SOALAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA: Y.B, PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil pendapatan negara dari cukai syarikat operator judi yang beroperasi di seluruh negara pada tahun 2009, 2010 dan 2011 serta perbelanjaan yang telah dikeluarkan daripada pendapatan hasil judi tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai perjudian dan duti pertaruhan yang diperolehi daripada syarikat induk nombor ramalan bagi tahun 2009, 2010 dan sehingga Mei 2011 adalah seperti berikut:

2009	1,199,574,646.73
2010	1,245,533,904.60
Sehingga Mei 2011	552,567,346.61
Jumlah	2,997,675,897.94

Cukai perjudian dan duti pertaruhan tersebut dimasukkan sebagai hasil ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan negara dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan demi manfaat kepada rakyat di seluruh negara.

(

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [Rantau Panjang]
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN

Menyatakan apakah faktor utama pelancong berminat datang ke negara kita. Dan sejauh mana kajian telah dibuat terhadap program Hub Hiburan Malam memberi impak kepada pelancongan dalam negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Rantau Panjang, Malaysia mencapai tahap negara yang Ke-Sembilan paling dilawati di dunia pada 2010 disebabkan oleh kekayaan dan keunikan alam semulajadi serta warisan budaya pelbagai kaum serta kemesraan rakyatnya. Ini dapat dilihat daripada kajian yang dilakukan oleh Tourism Malaysia kepada para pelancong asing yang datang ke Malaysia pada 2010, sebanyak **42.9 peratus**

memilih Malaysia kerana destinasi pilihan yang menarik untuk bersiar-siar, **26.5 peratus** kerana syor sahabat-handai, **20.3 peratus** kerana ingin mengenali negara ini, **18 peratus** kerana kepelbagaian produk pelancongan ditawarkan dan **17.8 peratus** kerana Malaysia mempunyai nilai untuk wang mereka (*value for money*).

Inisiatif pengenalan Zon Hiburan Khusus, bukannya Zon Hiburan Malam seperti dinyatakan Yang Berhormat Rantau Panjang, merupakan salah satu Projek Permulaan yang dicadangkan oleh pihak swasta untuk dilaksanakan di bawah **Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pelancongan** di bawah program Transformasi Ekonomi bagi industri pelancongan negara yang bertujuan meningkatkan perbelanjaan purata pelancong dari RM2,260 seorang pada tahun 2009 kepada RM4,675 seorang pada tahun 2020.

Tiada kajian impak dijalankan bagi pengenalan Zon Hiburan Khusus. Walaubagaimanapun, penetapan zon ini dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan berkaitan perlu melepasi beberapa kriteria, antara iainnya, terletak di kawasan bukan kediaman atau dalam bangunan kedap bunyi, berada sekurang-

kurangnya 100 meter dari pusat keagamaan, dikunjungi sekurang-kurangnya 1,000 orang setiap waktu operasi, mempunyai kemudahan awam dan pengangkutan yang mencukupi dan mengambil berat keselamatan dan ketenteraman awam (rondaan oleh pihak polis dan memiliki pengawal keselamatan swasta). Dengan ini, gangguan kepada penduduk setempat beserta kunjungan oleh remaja di bawah umur dapat diminimumkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **Y.B. DATO¹ SERI ANWAR BIN IBRAHIM**
(PERMATANG PAUH)

PERTANYAAN : **BERTULIS**

Y.B. DATO¹ SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran potongan peruntukan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan yang telah dilaksanakan bagi tahun kewangan persekutuan berakhir 31 Disember 2010 dan anggaran jumlah potongan-potongan yang sama bagi tempoh tahun kewangan persekutuan berakhir 31 Disember 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan adalah seperti di jadual berikut:

jadual 1 : KEMENTERIAN PELAJARAN

	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Tambahan (RM)	Peruntukan (RM)	Dipinda	Perbelanjaan (RM)
Mengurus (Tahun 2010)	25,521,429,700	2,731,594,700	28,253,024,400		28,253,024,345
Pembangunan (Tahun 2010)	4,997,683,000	40	4,997,683,040		4,971,703,030

Jadual 2 : KEMENTERIAN KESIHATAN

	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Tambahan (RM)	Peruntukan (RM)	Dipinda	Perbelanjaan (RM)
Mengurus (Tahun 2010)	11,178,733,400	1,517,900,000	12,696,633,400		12,696,630,142
Pembangunan (Tahun 2010)	3,584,264,000	10	3,584,264,010		3,569,269,205

Berdasarkan jadual di atas, adalah jelas peruntukan yang disediakan kepada kedua-dua Kementerian tidak dipotong malah ia telah ditambah.

2. Bagi tahun 2011, peruntukan yang diluluskan untuk Kementerian Pelajaran adalah sebanyak RM35,762,962,700 iaitu RM29,360,378,000 bagi perbelanjaan mengurus dan RM6,402,584,700 bagi perbelanjaan pembangunan. Manakala peruntukan yang diluluskan untuk Kementerian Kesihatan adalah sebanyak RM15,223,455,810 iaitu RM13,239,000,000 bagi perbelanjaan mengurus dan RM1,984,455,810 bagi perbelanjaan pembangunan. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang pemotongan peruntukan bagi kedua-dua kementerian tersebut pada tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan adalah seperti di jadual berikut:

jadual 1 : KEMENTERIAN PELAJARAN

	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Tambahan (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)
Mengurus (Tahun 2010)	25,521,429,700	2,731,594,700	28,253,024,400	28,253,024,345
Pembangunan (Tahun 2010)	4,997,683,000	40	4,997,683,040	4,971,703,030

Jadual 2 : KEMENTERIAN KESIHATAN

	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Tambahan (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)
Mengurus (Tahun 2010)	11,178,733,400	1,517,900,000	12,696,633,400	12,696,630,142
Pembangunan (Tahun 2010)	3,584,264,000	10	3,584,264,010	3,569,269,205

Berdasarkan jadual di atas, adalah jelas peruntukan yang disediakan kepada kedua-dua Kementerian tidak dipotong malah ia telah ditambah.

2. Bagi tahun 2011, peruntukan yang diluluskan untuk Kementerian Pelajaran adalah sebanyak RM35,762,962,700 iaitu RM29,360,378,000 bagi perbelanjaan mengurus dan RM6,402,584,700 bagi perbelanjaan pembangunan. Manakala peruntukan yang diluluskan untuk Kementerian Kesihatan adalah sebanyak RM15,223,455,810 iaitu RM13,239,000,000 bagi perbelanjaan mengurus dan RM1,984,455,810 bagi perbelanjaan pembangunan. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang pemotongan peruntukan bagi kedua-dua kementerian tersebut pada tahun 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT NO. SOALAN : 451

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**

[PERMATANG PAUH]

RUJUKAN **3863**

SOALAN:

Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah orang kena tahan (OKT) mengikut kaum dan umur yang mengalami kematian dan kecederaan semasa dalam tahanan agensi-agensi penguatkuasa Kerajaan Persekutuan dalam tempoh tahun 2000-2011, nyatakan status tindakan meliputi penyiasatan dan pendakwaan terhadap kes-kes kematian dan kecederaan OKT dalam tempoh tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah tahanan/Orang Kena Tuduh (OKT) yang mati semasa berada di lokap dan semasa di bawah jagaan polis sejak dari tahun 2000 hingga Mei 2011 adalah 159 orang. Pecahan jumlah tersebut adalah seperti berikut:-

BANGSA	JUMLAH
Melayu	73
Cina	34
India	30
Lain-Lain	8
Warga Negara Asing	14
Jumlah	159

Tuan Yang Dipertua,
Jumlah pecahan status tindakan meliputi penyiasatan dan pendakwaan terhadap kes-kes kematian dan kecederaan OKT dalam tempoh tersebut adalah seperti berikut:-

Pendakwaan	1
Inkues	7
Selesai Inkues	63
Dirujuk DPP/Majistret	58
Dalam Siasatan	30
Jumlah	159

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO¹ SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO¹ SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan rumah yang siap dibina di bawah Skim Rumah Pertamaku (My First Home) yang berharga kurang RM220,000 respon kumpulan sasaran terhadap skim tersebut serta langkah-langkah yang diambil untuk memastikan program perumahan tersebut tidak diselewengi dan benar-benar dapat dinikmati oleh kumpulan sasaran yang sepatutnya.

JAWAPAN

NO SOALANj^sr^

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Rumah Pertamaku yang telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3.000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka.

3. Melalui skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Contohnya, jika sekiranya seorang peminjam mendapat pembiayaan 100%, Kerajaan akan menjamin sebanyak 10% daripada pembiayaan berkenaan. Skim ini turut meliputi pembelian kediaman di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Skim ini juga bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM220,000 layak diberikan pembiayaan perumahan.

4. Memandangkan skim ini adalah sebuah skim yang memberi jaminan kepada pembiayaan perumahan, peminjam masih lagi tertakluk kepada syarat dan keupayaan meminjam. Peminjam masih perlu menjalani penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat. Oleh itu, masalah penyelewengan tidak akan berlaku kerana hanya peminjam yang benar-benar layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan sahaja akan menerima kemudahan skim ini.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir April 2011, sejumlah 772 permohonan telah diterima untuk mendapatkan jaminan dibawah skim ini. Daripada jumlah itu, sejumlah 143 permohonan telah diluluskan, 254 permohonan telah ditolak dan selebihnya masih lagi sedang diproses oleh pihak institusi kewangan. Sebahagian besar permohonan yang ditolak adalah disebabkan oleh jumlah pendapatan yang tidak mencukupi serta nisbah khidmat

hutang (*debt service coverage ratio*) yang tinggi. Selain itu, terdapat juga permohonan yang ditolak disebabkan oleh pemohon didapati mempunyai keupayaan untuk meminjam tanpa bantuan skim serta terdapat juga pemohon yang tidak memenuhi kriteria asas skim iaitu umur melebihi 35 tahun dan pendapatan melebihi RM3,000 sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penawaran rumah mampu milik juga telah meningkat dalam Suku Pertama 2011 dengan pembinaan unit rumah kos rendah, flat kos rendah serta kondominium dan apartmen, masing-masing telah meningkat sebanyak 180.6%, 265.9% dan 52.1%. Ini menunjukkan bahawa sentimen pemaju adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan penyediaan rumah mampu milik mencukupi. Selain itu, bagi menjayakan skim ini serta membantu meningkatkan pemilikan rumah,

Kerajaan turut mengambil inisiatif-inisiatif lain. Antaranya ialah mengecualikan duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama dan surat cara pindah milik bagi kediaman bernilai di bawah RM350 ribu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO¹ SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO¹ SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan subsidi dan pampasan kepada syarikat-syarikat bagi tahun kewangan persekutuan berakhir 31 Disember 2010 dan anggaran jumlah subsidi dan pampasan yang sama yang akan ditanggung bagi tahun kewangan persekutuan berakhir 31 Disember 2011.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan sebagai subsidi dan bantuan kepada syarikat-syarikat bagi meringankan beban rakyat dengan menampung sebahagian kos yang perlu dibayar bagi mendapatkan barangan keperluan dan perkhidmatan tertentu yang membolehkan rakyat mendapatkan barangan atau perkhidmatan tersebut pada harga yang lebih rendah. Subsidi dan bantuan tersebut adalah termasuk subsidi bahan api, bahan makanan, pampasan tol, pengangkutan udara luar bandar dan pengangkutan rel Pantai Timur.

2. Peruntukan subsidi bahan api disediakan bagi syarikat-syarikat minyak untuk mengekalkan harga gas cecair (LPG), diesel dan petrol pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Bagi tujuan yang sama, Kerajaan juga menyediakan subsidi bahan makanan kepada pengeluar gula dan pengeluar tepung gandum tempatan.

3. Bayaran pampasan diberi kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya apabila Kerajaan tidak meluluskan kadar tol dinaikkan mengikut perjanjian

NO SOALAN ; 46

konsesi. Kerajaan turut menyediakan subsidi kepada syarikat yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan pengangkutan udara luar bandar kepada penduduk pedalaman di Sabah dan Sarawak serta membiayai operasi pengangkutan rel Pantai Timur.

4. Bagi tujuan tersebut di atas, jumlah subsidi dan pampasan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut:

Jenis Subsidi	Perbelanjaan Tahun 2010 (RM juta)	Peruntukan Asal Tahun 2011 (RM juta)
Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol	9,605.14	*10,255.50
Gula	708.16	400.00
Tepung	88.25	30.00
Pampasan Tol	354.97	200.00
Pengangkutan Udara Luar Bandar	108.34	103.00
Pengangkutan Rel Pantai Timur	29.49	**30.00

* Tambahan peruntukan sebanyak RM5,600 juta telah dipohon.

**Tambahan peruntukan sebanyak RM150 juta telah dipohon.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta PERDANA MENTERI menyatakan kadar kemiskinan terkini bagi negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan bilangan isi rumah yang berada di bawah paras kemiskinan. Apakah langkah-langkah berkesan diambil untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah yang kekal mencatatkan kadar kemiskinan tertinggi 16% berdasarkan statistik Unit Perancang Ekonomi JPM

NO. SOALAN: 455

sejak tahun 2007.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berasaskan maklumat terkini Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah yang berada di bawah paras kemiskinan mengikut negeri pada tahun 2009 adalah seperti berikut:

Kadar Kemiskinan Dan Bilangan Isi Rumah Di Bawah Paras Kemiskinan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2009

Negeri	Peratus	Bilangan Isi Rumah Miskin
Johor	1.3	9500
Kedah	5.3	22,400
Kelantan	4.8	14,800
Melaka	0.5	800
Ng.Sembilan	0.7	1,700
Pahang	2.1	7,100
Perak	3.5	1,900
Perlis	6.0	3,200

Pulau Pinang	1.2	4,400
Sabah	19.7	98,400
Sarawak	5.3	27,100
Selangor	0.7	8,400
Terengganu	4.0	98,400
WP Kuala Lumpur	0.7	2,500
WP Labuan	4.3	700
WP Putrajaya		

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan. Dalam konteks ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah memperluaskan kumpulan sasar dan memberi tumpuan kepada isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah. Pelbagai langkah akan dilaksanakan dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan pendapatan golongan ini terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Di Sabah, di dalam tempoh *Rolling Plan 1 (RP1)*, Kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi melaksanakan Projek Khas Bumiputera Minoriti Sabah dan Sarawak yang meliputi pembangunan tanah adat (*NCR Land*), pelaksanaan projek ekonomi, dan latihan kemahiran.

Selain daripada itu program peningkatan pendapatan secara bersepadu melalui pelaksanaan program agropolitan dan peladangan kontrak turut dilaksanakan. Program ini merangkumi pembangunan ladang berpusat serta kawasan penempatan semula yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan kemudahan awam seperti jalan raya, elektrik, bekalan air, dewan orang ramai dan sebagainya bagi meningkatkan tahap pendapatan dan taraf hidup serta memperluaskan akses kepada pekerjaan. Melalui program ini, penduduk di Sabah yang berpendapatan 40 peratus terendah memperoleh jaminan pendapatan daripada hasil pertanian dan perladangan yang dijalankan. Program ini juga melibatkan penyediaan peluang untuk menceburi aktiviti perniagaan dan keusahawanan yang akan memberi pulangan pendapatan yang lebih tinggi melalui pembiayaan yang disediakan oleh institusi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi

Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

Kemudahan pembiayaan juga disediakan termasuk dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) bagi membolehkan anak-anak daripada isi rumah berpendapatan rendah hadir ke sekolah dan meningkatkan kualiti pendidikan murid. Kerajaan juga, dalam tempoh RMKe-10, memberi fokus kepada program penjanaan dan peningkatan pendapatan seperti program membangunkan perniagaan kecil menerusi bantuan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan, pembinaan gerai niaga dan program-program ekonomi yang lain. Di samping itu, Kerajaan juga akan terus melaksanakan program bantuan rumah dan meningkatkan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial bagi meningkatkan tahap hidup rakyat di Sabah.

(K/o • ;
-NOrAtiM-: 4GT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO* SERI MOHAMMAD NIZAR
BIN JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]

T ARIKH :

RUJUKAN : 3864

SOALAN:

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah penghuni di penjara di seluruh negara dan peratusannya mengikut pecahan kaum/bangsa sehingga 31 Disember 2010.

Jawapan:

Dimaklumkan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 31 Disember 2010 menunjukkan terdapat seramai 34,420 penghuni sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara yang berjumlah 39 buah kerana berbagai kesalahan.

Mereka terdiri dari kaum Melayu 45.25% atau 15,573, Cina 9.24% atau 3,182, India 11.37% atau 3,915, lain-lain kaum warga Malaysia 6.19% atau 2,130 dan warga asing 27.95% atau 9,620 orang.

-NOraU-P—**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

Tuan Yang Dipertua,

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR
BIN JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3906

SOALAN:

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa peratuskah jumlah peningkatan kegunaan tenaga kerja asing berbanding tahun 2009 dan 2010 serta sektor manakah peningkatannya yang tertinggi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing di enam (6) sektor pekerjaan iaitu 5 sektor formal yang terdiri dari sektor perkilangan, perladangan, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian. Manakala, sektor pembantu rumah asing merupakan satu-satunya sektor *informal* yang dibenarkan untuk pengambilan pekerja asing.

Mengikut statistik Jabatan Imigresen Malaysia, berdasarkan kepada pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang aktif, jumlah pekerja asing telah **berkurangan** daripada 1,918,146 orang pada tahun 2009 kepada 1,817,871 orang bagi tahun 2010 iaitu kekurangan sebanyak 100,275 orang atau 5.23%.

Mengikut sektor, hampir semua sektor telah menunjukkan penurunan kecuali sektor pembuatan dan sektor pertanian yang menunjukkan pertambahan masing-masing sebanyak 1.38% dan 27.44% bagi tahun 2010 berbanding tahun 2009. Jadual di bawah menunjukkan kedudukan jumlah pekerja asing dan perbezaan peratus yang dialami oleh semua sektor

SEKTOR	2009	2010	PERBEZAAN	PERATUS (+/-)
PEMBANTU RUMAH	251,355	247,069	-4,286	-1.71%
PEMBINAAN	299,575	235,010	-64,545	-22.55%
PEMBUATAN	663,667	672,823	+9,156	+1.38%
PERKHIDMATAN	203,639	165,258	-38381	-18.85%
PERLADANGAN	318,250	266,196	-52,054	-16.36%
PERTANIAN	181,660	231,515	+49,885	+27.44%

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA **SOALAN NO:458**
DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAMALUDDIN

NO. SOALAN **NO. 457**

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sehingga 31 Disember 2010 berapakah jumlah IPTS yang telah wujud serta berapa pula IPTS yang ditarik balik lesen mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2010, terdapat sebanyak 485 buah IPTS yang berdaftar di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 IPTS bertaraf universiti, 21 buah bertaraf kolej universiti, 403 buah bertaraf kolej dan 5 IPTS kampus cawangan universiti luar negara termasuk 33 buah IPTS bertaraf kolej yang tidak aktif.

Pada tarikh yang sama, terdapat 70 buah IPTS yang telah ditarik balik lesen mereka yang mana terdiri daripada 55 buah IPTS yang telah dibatalkan kelulusan penubuhannya dan 15 buah IPTS yang telah dikenselkan pendaftarannya.

JAWAPAN:

Peratusan jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berdasar negeri kelahiran adalah seperti di bawah.

BIL	NEGERI	DARAT %	LAUT %	UDARA %	JUMLAH
1.	PERAK	11.5	14.00	20.00	13.00
2.	SELANGOR	4.5	3.7	3.5	4.2
3.	PAHANG	6.3	6.7	5.6	6.2
4.	KELANTAN	11.0	14.6	11.2	11.7
5.	JOHOR	8.4	11.3	8.1	9.00
6.	KEDAH	11.3	8.00	11.5	10.8
7.	MELAKA	5.4	4.7	4.5	5.1
8.	N. SEMBILAN	5.4	5.3	4.6	5.3
9.	P. PINANG	5.1	3.8	4.2	4.7
10.	PERLIS	4.3	3.4	3.3	4.0
11.	TERENGGANU	5.6	5.6	4.8	5.5
12.	W. PERSEKUTUAN	5.6	3.4	3.8	5.0
13.	SABAH	7.9	9.4	7.6	8.1
14.	SARAWAK	7.7	6.1	7.3	7.4
	JUMLAH	100%	M)%	100%	100%'

SOALAN NO. 446

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
JAMALUDDIN [BUKIT
GANTANG]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek yang telah diumumkan ketika Pilihan raya Kecil Parlimen kawasan Bukit Gantang pada tahun 2009 lalu yang dilaksana dan tidak dilaksanakan.

JAWAPAN

Sebanyak 6 projek telah diumumkan semasa Pilihan raya Kecil Parlimen kawasan Bukit Gantang. Kesemua projek telah dilaksanakan dan siap sepenuhnya. Projek-projek tersebut merupakan projek yang telah dirancang lebih awal. Senarai projek adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK
1	MEMBINA BARU SURAU TAMAN MEWAH KAMUNTING
2	MEMBINA BARU SURAU KAMPUNG PAYA BARU KAMUNTING
3	MEMBINA BARU SURAU KAMPUNG CHENGAL JANTAN BUKIT GANTANG
4	MEMBINA BARU SURAU KAMPUNG SUNGAI MATI MATANG
5	MEMBINA BARU SURAU KAMPUNG PAYA CHANGKAT JERING
6	MEMBINA BARU SURAU LARUT TIN TAIPING
JUMLAH	

SOALAN NO.425

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN

KAWASAN HULU SELANGOR

SOALAN:

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN (HULU SELANGOR) minta **MENTERI KERJA RAYA**

menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibuat dan akan dibuat (perancangan) oleh Kerajaan Persekutuan dalam projek membina, memperelok dan juga menaik taraf Jalan Persekutuan 1 (FT 001) di sepanjang daerah Hulu Selangor dari tahun 2008 sehingga tahun 2015.

JAWAPAN
Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM6.5 juta dari tahun 2008 hingga kini untuk tujuan penyelenggaraan Jalan Persekutuan 1 di Hulu Selangor.

Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut melibatkan skop penyelenggaraan rutin, berkala dan kerja-kerja kecemasan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan yang dilantik oleh Kerajaan. Untuk tempoh jangka panjang pula, Kementerian Kerja Raya akan mencadangkan jalan Persekutuan 1 ini dinaikkan taraf kepada 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*), termasuk jajaran dari dari Templer Park hingga ke sempadan Negeri Perak. Walau bagaimanapun memandangkan cadangan projek ini melibatkan kos yang tinggi, pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dari Tempoh Separuh Kedua RMKe-10.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi mengurangkan masalah kesesakan di Jalan Persekutuan 1 di Hulu Selangor, Kementerian Kerja Raya sedang melaksanakan projek pembinaan Jalan Pintas Rawang (*Rawang by-Pass*). Sehingga kini fasa pertama sepanjang 18.5 kilometer telah pun disiapkan, iaitu melibatkan pembinaan dan naik taraf jalan 4 lorong 2 hala dari persimpangan Sungai Choh hingga ke Taman Warisan Negeri di Templer Park dengan kos sebanyak RM260.5 juta. Dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 ini pula, kementerian ini telah mencadangkan pelaksanaan fasa 2 projek berkenaan, iaitu melibatkan skop pembinaan *elevated structure* sepanjang 3.3 kilometer melalui Taman Warisan Negeri dengan anggaran kos projek sebanyak RM400 juta.

Sekian. Terima kasih.

NO:461
PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT BUKAN LISAN
DARIPADA Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan
SOALAN 461

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kakitangan (Penjawat Awam dan Agensi Kerajaan) yang bukan bumiputera (berdasarkan kaum) yang telah dilantik sejak 2008 sehingga kini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan lebih ramai Penjawat Awam bukan bumiputera berkhidmat bersama Kerajaan.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk melantik penjawat awam ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah bidang kuasanya, SPA berusaha untuk mendapatkan calon-calon cemerlang dari segi akademik dan kompetensi bagi mendukung pentadbiran kerajaan dan pelaksanaan program-program pembangunan untuk kesejahteraan rakyat.

Sejak tahun 2009, SPA telah memperkenalkan kaedah pengambilan secara *profiling* (MyRecruitment) yang merupakan transformasi kaedah pengambilan di mana ia bertujuan untuk mengesan calon yang mempunyai profil yang sesuai dari aspek personaliti, minat, sikap, kecerdasan dan kemahiran. Padanan antara keperibadian dan tugas serta jenis pekerjaan adalah penting bagi menjamin kepuasan dalam menjalankan tugas, meningkatkan motivasi kerja dan mencapai produktiviti yang tinggi. Pelaksanaan MyRecruitment melibatkan calon perlu melalui empat (4) proses saringan sebelum ditawarkan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian

kompetensi dan temu duga.

Sememangnya, SPA sentiasa mempertingkatkan usaha dalam menggalakkan permohonan daripada pelbagai kaum ke perkhidmatan awam melalui taklimat di sekolah-sekolah, karnival kerjaya, hebahan di media-media massa dalam semua bahasa, menyediakan soalan-soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam laman web SPA serta perjumpaan dengan para pemimpin masyarakat.

Hasil daripada usaha tersebut, jumlah penjawat awam keturunan Cina dan India yang dilantik oleh SPA ialah 2286 dan 2367 bagi tahun 2008, 2706 dan 2402 bagi tahun 2009 dan 2392 dan 1994 bagi tahun 2010, yang merupakan peningkatan yang ketara berbanding dengan 1323 dan 1182 bagi tahun 2007.

SOALAN NO.: 462

PERTANYAAN BUKAN LISAN
DARIPADA **DEWAN RAKYAT MALAYSIA**
 PERTANYAAN BUKAN LISAN
 TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
 [HULU SELANGOR]

SOALAN

Tuan Kamalanathan A/L Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa banyak tanah berstatus tanah Kerajaan yang masih tidak dicereboh dan berapakah tanah hutan simpanan yang dicereboh mengikut negeri di Malaysia, apakah kaedah penyelesaian diamalkan dalam Akta 313.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod, jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia yang telah diwartakan adalah seluas 4,801,007 hektar. Daripada jumlah tersebut, seluas 19,346 hektar telah diteroka atau dicereboh untuk aktiviti pertanian dan lain-lain. Keluasan mengikut negeri adalah seperti di jadual di bawah.

Keluasan Hutan Simpanan Kekal Yang Diceroboh Mengikut Negeri Di Semenanjung Malaysia

BIL.	NEGERI	LUAS HUTAN SIMPANAN KEKAL (HEKTAR)	LUAS DICEROBOH (HEKTAR)
1.	Johor	351,771	1,276
2.	Kedah	307,046	4,191
3.	Kelantan	623,849	5,685
4.	Melaka	4,777	4.0
5.	Negeri Sembilan	153,459	633
6.	Pahang	1,562,902	3,709
7.	Perak	987,390	777
8.	Perlis	10,624	0
9.	Pulau Pinang	5,139	31
10.	Selangor	250,129	2,804
11.	Terengganu	543,858	236
12.	W.P Kuala Lumpur	63	0
	JUMLAH	4,801,007	19,346

Bagi kawasan-kawasan yang telah diteroka tersebut, tindakan memulihkan semula kawasan dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri dengan menanam pokok-pokok hutan. Tindakan tersebut diambil secara berperingkat-peringkat mengikut kesesuaian kawasan. Bagi memastikan kawasan-kawasan HSK tersebut tidak diteroka semula, pihak Jabatan Perhutanan melaksanakan penandaan sempadan dan memasang papan tanda supaya sempadan HSK dapat dilihat dengan jelas oleh orang awam. Program-program kesedaran yang melibatkan orang awam dan pelajar sekolah turut dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran khazanah hutan agar terus terpelihara untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**
DARIPADA **YB TUAN KAMALANATHAN A/L**
 PANCHANATHAN
TARIKH **13 JUN 2011 (ISNIN)**

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada pemegang taraf penduduk tetap yang lahir sebelum Merdeka diberi bantuan kebajikan, sekiranya ada, berapa ramai yang menerima (berdasarkan pecahan kaum) dan sekiranya tidak, adakah Kementerian bercadang untuk memberi bantuan kepada mereka yang akan menjadi warga emas.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat **(KPWKM)** melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat **(JKM)** menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan bagi membantu golongan miskin dan mereka yang memerlukan, termasuk pemegang taraf Penduduk Tetap **(PR)** yang lahir sebelum Merdeka. Walau bagaimanapun, Jabatan tidak mempunyai statistik penerima bantuan secara berasingan bagi warganegara dan pemegang taraf Penduduk Tetap **(PR)**. Kriteria bagi pemberian bantuan **JKM** adalah seperti berikut:-

- i) **Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia dan jika Penduduk Tetap (PR) hendaklah bermastautin di Malaysia sebelum tahun 1957.**

SOALAN NO. 446

- ii) Keluarga miskin yang mempunyai kadar pendapatan isi rumah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM830 sebulan bagi Sarawak dan RM960 sebulan bagi Sabah dan Labuan;
- iii) Golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan dengan mengambil kira lain-lain faktor seperti bilangan anak/ tanggungan yang tinggal bersama dan berasingan, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga, sokongan dari ahli keluarga, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon/keluarga.

Untuk makluman Yang Berhormat, demi kesejahteraan hidup warga tua, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan Bantuan Orang Tua (BOT) kepada warga tua berumur 60 tahun ke atas yang miskin dan memerlukan bantuan supaya terus hidup secara berdikari bersama komuniti setempat, serta tidak perlu dimasukkan ke institusi kebajikan. Kadar skim bantuan ini adalah sebanyak RM300.00 sebulan seorang.

Bagi tahun 2010, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan perbelanjaan sebanyak RM422,456,600 bagi membantu 120,496 orang warga tua yang miskin dan memerlukan bantuan seperti di muka surat sebelah.

Bilangan Penerima dan Jumlah Perbelanjaan Bantuan Orang Tua Mengikut Kaum Bagi Tahun 2010

	Melayu	Cina	India	PSm	PSb	PSw	L	Jumlah
Bilangan kes	54,993	24,395	13,067	385	18,546	8,322	788	120,496
Jumlah Bantuan (RM)	17,4354,600	78,059,400	41,464,400	1,237,200	96,665,100	27,200,700	3,475,200	422,456,600

Nota

PSm **Peribumi Semenanjung**
PSb **Peribumi Sabah**
PSw **Peribumi Sarawak Lain-**
L **lain**

SOALAN (464)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUANKAMALANATHANA/LPANCHANATHAN
[HULU SELANGOR]

SOALAN

TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah tapak perkuburan yang telah direzabkan (Islam fit bukan Islam) yang terdapat di Malaysia dan adakah bantuan diberi kepada tanah-tanah perkuburan tersebut sekiranya ya, apakah jenis bantuan diberi dan sekiranya tidak, adakah perancangan untuk membantu kos selenggaraan tapak perkuburan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada maklumat yang komprehensif mengenai jumlah tanah perkuburan Islam dan bukan Islam di Malaysia.

Walau bagaimanapun Kementerian telah menyediakan draf Garis Panduan Perancangan Tanah Perkuburan dan Krematorium 2010 untuk digunakan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara seragam di dalam merancang, mengawal dan memantau pembangunan tapak perkuburan dan krematorium. Garis panduan ini akan digunakan oleh agensi pelaksana, pemaju dan pihak awam sebagai panduan dalam merancang dan membangunkan tapak perkuburan. Mengikut garis panduan tersebut, Kerajaan Negeri dan PBT hendaklah memastikan tanah perkuburan diperuntukkan, iaitu seluas 1 hektar bagi setiap 8,000 penduduk.

Dari segi bantuan, Kementerian menggalakkan Kerajaan Negeri dan PBT memberi bantuan untuk kos penyelenggaraan tanah perkuburan. Ini

memandangkan tanah perkuburan merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

No. Soalan : 472*
**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN
TUAN WONG HO LENG [SIBU]

**DARIPADA
TARIKH**

14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan bagi satu (1) sistem pengangkutan awam seperti perkhidmatan keretapi dan bas di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perumahan dan Pembangunan Bandar Sarawak telah menjalankan *Urban Public Transportation Focus Result Delivery (FRD) Lab*, serta telah menghantar permohonan peruntukkan sebanyak RM200 Juta bagi memulakan Projek Pengangkutan Awam bermula dengan sistem pengangkutan bas awam bandar di Bandaraya Kuching.

Sistem pengangkutan awam bandar bagi Bandaraya Kuching lebih tertumpu kepada penambahbaikan secara menyeluruh dan meningkatkan penggunaan Pengangkutan Bas bagi mencapai satu sistem pengangkutan bas bersepadu yang lebih efisien dan efektif serta menarik.

Kementerian Perumahan dan Pembangunan Bandar Sarawak akan menumpukan kepada meningkatkan penggunaan pengangkutan bas Bandar di Bandaraya Kuching terlebih dahulu walaupun terdapat cadangan untuk mewujudkan sistem keretapi di kawasan SCORE.

Proses penambahbaikan kepada usaha meningkatkan penggunaan pengangkutan bas awam bandar di Kuching, Sarawak merupakan langkah pertama memandangkan ia merupakan tulang belakang pengangkutan awam Bandar. Setelah penambahbaikan terhadap sistem ini berjaya, maka barulah mod lain bagi pengangkutan Bandar seperti LRT, keretapi, Monorail dan lain-lain dapat dipertimbangkan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN WONG HO LENG [SIBU]

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [Sibü] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan kebebasan akhbar memandangkan fakta bahawa terdapat banyak penyekatan terhadap kebebasan akhbar di Malaysia.

JAWAPAN :

Yang Berhormat,

Kajian '*Press Freedom Index*' adalah berasaskan kepada nilai-nilai kebebasan akhbar yang wujud dan ianya adalah amat berbeza jika dibandingkan nilai kebebasan media antara satu negara dengan yang lain. Nilai kebebasan media di Malaysia adalah bersesuaian dengan peraturan serta perundangan yang diamalkan di negara ini dan sosiobudaya rakyatnya.

Persepsi pihak-pihak luaran berbeda-beda dari semasa ke semasa. Indeks yang Yang Berhormat sebutkan itu adalah dalam pemerhatian Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian ini.

Sebagai bukti bahawa sifat liberal dan pematuhan hak-hak asasi bersuara terlaksana dengan baik, semua parti pembangkang di Malaysia bebas menerbitkan akhbar masing-masing. Pengguna internet melebihi 17 juta orang di negara ini dan pengguna *Facebook* adalah yang paling ramai di negara ini mengikut nisbah pengguna dan bilangan penduduk. Ini semua mencerminkan tahap kebebasan bersuara di negara ini

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **BUKAN LISAN**
DARIPADA **TUAN WONG HO LENG [SIBU]**

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kerajaan Negeri Sarawak telah meminta kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih Jambatan Rejang dan menghapuskan tol. Nyatakan status dan terma.

JAWAPAN:

Jambatan Rejang adalah milik Kerajaan Negeri. sehingga kini tidak ada permohonan rasmi dari pihak Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih jambatan tersebut dan menghapuskan pembayaran tol melalui ICU JPM dan Pejabat Pembangunan Negeri (SDO) Sarawak.

Input daripada Kementerian Kerja Raya menyatakan bahawa Projek pembinaan

NO. SOALAN: 468

Jambatan Batang Rajang Upper Lanang, Sarawak telah dibina menerusi kontrak penswastaan melibatkan Kerajaan Negeri Sarawak dengan sebuah syarikat swasta. Jambatan sepanjang 1.2 kilometer itu telah siap dibina pada 11 April 2006 dengan kos projek sebanyak RM180 juta. Menerusi perjanjian konsesi yang telah dimeterai dengan Kerajaan Negeri, syarikat swasta terlibat dibenarkan untuk mengutip tol di jambatan tersebut untuk tempoh konsesi selama 30 tahun.

Sehubungan itu, memandangkan projek ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, cadangan untuk mengambil alih atau menghapuskan kutipan tol adalah di luar bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

If lot

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN WONG HO LENG [SIBU]

NO. SOALAN

TARIKH

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah untuk memastikan pesakit-pesakit di hospital-hospital umum dan klinik-klinik swasta di Sarawak mempunyai mesin cuci darah yang mencukupi. Dan, jumlah transplantasi ginjal yang dilakukan dalam masa 5 tahun yang lalu.

Di Negeri Sarawak, pada tahun 2010 terdapat 36 pusat dialisis iaitu 21 pusat kerajaan, 9 pusat swasta dan 6 pusat badan bukan kerajaan. Jumlah mesin dialisis di negeri Sarawak adalah 378 iaitu 156 di pusat kerajaan, 90 di pusat swasta dan 132 di pusat badan bukan kerajaan. Jumlah pesakit dialisis di Negeri Sarawak adalah 1,588 orang dengan 733 orang di pusat kerajaan, 354 orang di pusat swasta dan 501 orang di pusat badan bukan kerajaan.

Bagi memudahkan pesakit memperolehi rawatan dialisis, Kementerian Kesihatan telah memperluaskan perkhidmatan dialisis ke hampir semua hospital di negeri tersebut. Pada tahun 2009, 3 buah mesin hemodialisis

Tuan Yang di-Pertua,

telah dibekalkan ke Hospital Limbang dan pada tahun ini sebuah mesin hemodialisis akan dibekalkan ke Hospital Serian. Ini bermakna di Negeri Sarawak hanya Hospital Dalat yang belum menyediakan perkhidmatan dialisis. Perkhidmatan dialisis akan diperluaskan sehingga semua hospital KKM menyediakan perkhidmatan tersebut.

Kerajaan juga menggalakkan badan-badan bukan kerajaan untuk menubuhkan pusat-pusat hemodialisis. Mereka boleh memohon bantuan kewangan (capital grant) untuk penubuhan pusat hemodialisis baru atau menaiktaraf pusat hemodialisis sedia ada. Bantuan kewangan ini adalah untuk pembelian peralatan perubatan dan kelengkapan yang bukan perubatan yang berkaitan dengan rawatan pesakit.

Jumlah pembedahan transplantasi ginjal yang telah dilakukan dalam masa 5 tahun yang lalu di Malaysia ialah sebanyak 298 pembedahan.

-NO. — AUIffi*:

476" NO: -AidP

r*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG [SIBU]

TARIKH

RUJUKAN : 3907

SOALAN:

Tuan Wong Ho Leng [SibU] minta **MENTERI DALAM NEGERI**

menyatakan jumlah penduduk Sarawak yang belum diberikan sijil kelahiran atau kad pengenalan. Mengapa.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat SibU yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, mengikut rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sehingga 2010, seramai 24,238 orang penduduk di Sarawak mempunyai Sijil Kelahiran dan tidak mempunyai Kad Pengenalan Biru (MyKad). Bagi penduduk yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri, JPN tidak mempunyai rekod dan mereka dialu- alukan supaya mendaftar di mana- mana pejabat JPN yang berdekatan dengan tempat tinggal pemohon.

JAWAPAN:

Punca-punca yang dikenalpasti berlakunya permasalahan tersebut adalah disebabkan:

- i) Permohonan yang tidak lengkap;
- ii) Permohonan yang lengkap tetapi tidak layak memohon Kad Pengenalan;
- iii) Tidak pernah membuat pendaftaran Sijil Lahir atau permohonan Kad Pengenalan;
- iv) Kesukaran perhubungan di kawasan pedalaman;
- v) Sikap ibu bapa yang kurang mengambil berat mengenai pendaftaran anak-anak mereka dan masalah kemiskinan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	YB. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]
RUJUKAN	24 [PR-1242-T45075]
SOALAN	

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

SOALAN NO: 471

menyatakan bahwa sama ada Kementerian sedar walaupun wujud peraturan tetap DBKL yang membenarkan masa berkerja antara pukul 8 pagi hingga 6 petang dari hari Isnin hingga Sabtu kontraktor pembinaan tetapi DBKL masih membenarkan tempoh lanjutan untuk kerja pembinaan sehingga lewat malam seperti perkara biasa. Untuk mengelakkan gangguan awam (public nuisance), adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan semua pekerja pembinaan mematuhi peraturan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut polisi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **waktu bekerja bagi sesuatu tapak pembinaan** telah ditetapkan dalam syarat kelulusan pelan pembangunan adalah seperti berikut:-

Isnin - Sabtu	8.00 pagi - 6.00 petang
Ahad dan Cuti Am	tidak dibenarkan

Oleh yang demikian, kontraktor-kontraktor pembinaan perlu mematuhi waktu bekerja yang ditetapkan.

Namun, berdasarkan kepada polisi DBKL juga, pihak pemaju boleh membuat permohonan untuk bekerja lebih dari waktu yang ditetapkan atas keperluan tertentu. Arkitek yang terlibat boleh mengemukakan permohonan menggunakan borang PKLM (Permohonan Kerja Lebih Masa) kepada Jabatan Reka Bentuk Bandar dan Bangunan, DBKL.

Permohonan ini akan dibawa untuk kelulusan Jawatankuasa Permit Jabatan Reka Bentuk Bandar dan Bangunan yang terdiri dari pelbagai Jabatan Teknikal Dalaman serta dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dan dipanjangkan untuk kelulusan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Antara kriteria-kriteria kelulusan adalah seperti berikut:

- i) Mendapatkan sokongan dan tiada bantahan dari penduduk sekitar

tapak pembinaan;

- ii) Kepentingan meneruskan kerja melebihi waktu demi keselamatan dan keperluan teknikal pembinaan;**
- iii) Lokasi tapak sama ada memberi impak kepada perumahan berdekatan;**
- iv) Jenis kerja (work schedule) yang perlu dilaksanakan. Kawalan tahap kebisingan dan kebersihan disyaratkan jika kelulusan diberikan.**

Bermula dari tahun 2009 hingga sekarang, terdapat sejumlah 60 daripada 208 buah tapak bina telah diberikan kelulusan kerja lebih masa.

Pada dasarnya, beberapa tindakan akan diambil jika didapati wujudnya kesalahan kerja lebih masa dengan cara:-

- i) Mengeluarkan surat amaran dan peringatan kepada arkitek/pemaju dan kontraktor untuk mematuhi waktu bekerja yang dibenarkan sahaja;**
- ii) Kompaun akan dikeluarkan jika waktu bekerja gagal dipatuhi.**
- iii) Jika kesalahan masih lagi berulang iaitu setelah tiga (3) kali kompaun dikenakan, satu kertas cadangan bagi tujuan tindakan menyita tapak akan disediakan untuk diperakukan dalam mesyuarat Jawatankuasa**

Pusat Setempat (OSC); dan

- iv) Tindakan seterusnya akan dibuat berdasarkan kepada keputusan mesyuarat tersebut.

Sebanyak 67 kompaun mengenai kesalahan bekerja melebihi masa yang dibenarkan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2010. Arahan memberhentikan kerja setelah kesalahan dikesan juga telah dibuat di tapak tersebut dan kebanyakannya telah dipatuhi. Terdapat juga tapak bina yang disita kerana berulang kali gagal mematuhi arahan dan kompaun yang dikeluarkan.

Pemantauan tapak bina sedang dan akan diteruskan setiap hari oleh dua pasukan petugas terdiri dari lapan (8) orang anggota secara sukarela. Pasukan ini akan bergerak di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemantauan akan lebih tertumpu berdasarkan kepada aduan-aduan yang sedang dan telah diterima. Terdapat aduan tapak bina yang perlu dipantau secara berturut-turut bagi memastikan tindakan yang dibuat diambil perhatian oleh pemaju/arkitek/kontraktor berkenaan. Operasi

Bersepadu Tapak Bina bersama Jabatan dalaman DBKL juga telah diadakan dan akan diteruskan bagi memastikan tahap kebersihan, keselamatan terjamin dan garis panduan bagi kerja melebihi masa di tapak bina tersebut turut dipatuhi dengan sewajarnya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

SOALAN NO: 472

PERTANYAAN **BUKAN LISAN**
DARIPADA **YB. TUAN WEE CHOO KEONG**
 [WANGSA MAJU]
RUJUKAN **25 [PR-1242-T45077]**

SOALAN

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

menyatakan sejauh manakah Plan Transformasi Kerajaan telah berjaya di laksanakan dalam pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan mengambil kira:-

- (a) berapa peratus jumlah aduan yang di terima melalui sistem aduan awam ISPAA telah berjaya di selesaikan; dan
- (b) apakah kriteria-kriteria tertentu dalam memastikan setiap aduan yang diterima akan diambil tindakan dan memaklum kepada pengadu-pengadu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula 1 Januari 2011 sehingga 31 Mei 2011, Sistem pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu (i-SPAAA) telah merekodkan sejumlah **7,434** aduan awam yang diterima melalui pelbagai saluran. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **5,925 (80%)** adalah aduan **berstatus selesai**. Manakala sebanyak **1,509 (20%)** aduan lagi masih dalam tindakan.

Untuk makluman, aduan yang diterima oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah melalui pelbagai saluran, iaitu melalui Pusat Panggilan Setempat (*call centre*), **telefon, faksimili, surat, e- aduan di laman web (www.dbkl.gov.my), e-mail (dbkl@dbkl.gov.my)**. bersemuka pada **Program Hari Bertemu Pelanggan dan Kaunter Aduan bergerak DBKL** serta media cetak dan elektronik.

Setiap aduan yang diterima akan dilayan tanpa prasangka di mana ia akan direkodkan ke dalam Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu (i-SPAAA) dengan diberikan nombor rujukan. Maklum balas awal kepada pengadu akan diberikan selewat-lewatnya dalam **tempoh tiga hari daripada tarikh penerimaan aduan tersebut**. Seterusnya, pengadu akan dimaklumkan sehingga aduan tersebut selesai oleh petugas-petugas di Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) secara panggilan telefon.

NO. SOALAN : 472

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]

RUJUKAN 3908

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kemudahan yang disediakan oleh polis kepada orang tahanan polis untuk berunding dengan peguam mereka secara bebas sebagaimana terkandung dalam Seksyen 28 A (7) Kanun Keseksaan dan dalam masa yang sama untuk mengelakkan bunuh diri.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi setiap tangkapan yang dibuat oleh pihak polis, orang yang ditangkap akan dimaklum sebab-sebab tangkapan. Selain daripada itu, ahli waris akan dihubungi oleh pihak polis. Orang yang ditangkap juga akan dibenarkan untuk menghubungi peguam pilihan sendiri. Di samping itu juga, pihak kerajaan telah menyediakan peguam dari Yayasan Bantuan Guaman bagi semua orang tahanan yang tiada peguam sendiri. Pihak polis akan menyediakan bilik pertemuan peguam dengan anak guam bagi tujuan Seksyen 28 A (7) Kanun Keseksaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah sosial yang akan dihadapi oleh lebih kurang 10,000 pekerja Alam Flora di Selangor berikutan langkah Kerajaan negeri untuk mengambil alih perkhidmatan pembersihan secara tergesa-gesa.

PR-1242-T45079

SOALAN NO: 480^

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Maklumat yang diperolehi oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mendapati setakat ini tiada sebarang pemberhentian dilaksanakan oleh Alam Flora terhadap semua kontraktornya.

2. Bagaimanapun, sekiranya berlaku penamatan kerja, JTK bersedia untuk membantu mendaftarkan pekerja-pekerja yang terlibat di dalam portal JobsMalaysia bagi mendapatkan pekerjaan baru. Disamping itu, pekerja yang terlibat juga akan dijemput untuk menyertai Program Penempatan Pekerjaan atau temuduga terbuka yang dianjurkan oleh JTK. Alternatif lain, JTK akan turut mempromosikan program Homeworking kepada pekerja yang berminat.

3. Dalam pada itu, sekiranya majikan didapati gagal untuk membuat bayaran sepertimana yang diperuntukkan oleh Akta Kerja 1955, pekerja dinasihatkan untuk membuat tuntutan kes buruh di JTK.

m(13-28Jun2011)(ias..31SIUWeeCfiooK?(m#r45079

